



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 1

Pembentangan Penyata Kewangan

Mac 2013

MPSAS 1—PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 1, *Pembentangan Penyata Kewangan* daripada *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada April 2011 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa © 2011 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web : <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 1—PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

KANDUNGAN

	<i>Perenggan</i>
Objektif	1
Skop	2-6
Takrif.....	7-14
Entiti Ekonomi.....	8-10
Manfaat Ekonomi Masa Hadapan atau Potensi Perkhidmatan.....	11
Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE).....	12
Kematanan	13
Aset Bersih/Ekuiti.....	14
Tujuan Penyata Kewangan	15-18
Tanggungjawab Menyediakan Penyata Kewangan.....	19-20
Komponen Penyata Kewangan	21-26
Pertimbangan Keseluruhan.....	27-58
Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS.....	27-37
Usaha Berterusan	38-41
Ketekalan Pembentangan	42-44
Kematanan dan Pengagregatan	45-47
Mengofset.....	48-52
Maklumat Perbandingan	53-58
Struktur dan Kandungan	59-150
Pengenalan	59-60
Pengenalpastian Penyata Kewangan	61-65
Tempoh Pelaporan	66-68
Ketepatan masa	69
Penyata Kedudukan Kewangan	70-98

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

Pengasingan Semasa/Bukan semasa.....	70-75
Aset Semasa	76-79
Liabiliti Semasa	80-87
Maklumat yang akan Dibentangkan pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan	88-92
Maklumat yang akan Dibentangkan sama ada pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan atau dalam Nota	93-98
Penyata Prestasi Kewangan.....	99-117
Lebih atau Kurangan bagi Sesuatu Tempoh	99-101
Maklumat yang akan Dibentangkan pada Muka Penyata Prestasi Kewangan	102-105
Maklumat yang akan Dibentangkan sama ada pada Muka Penyata Prestasi Kewangan atau dalam Nota.....	106-117
Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	118-125
Penyata Aliran Tunai	126
Nota	127-150
Struktur	127-131
Pendedahan Dasar Perakaunan.....	132-139
Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran.....	140-148
Modal.....	148A-148C
Instrumen Kewangan Boleh Letak dikelaskan sebagai Aset Bersih/Ekuiti.....	148D
Pendedahan Lain	149-150
Peruntukan Peralihan.....	151-152
Tarikh Kuat kuasa.....	153-154
Lampiran A: Ciri Kualitatif Pelaporan Kewangan	
Lampiran B: Pindaan ke atas MPSAS Lain	
Panduan Pelaksanaan	
Perbandingan dengan IPSAS 1	

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*, dinyatakan dalam perenggan 1-155. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 1 seharusnya dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menerapkan dasar perakaunan disebabkan tiadanya petunjuk yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan bagaimana penyata kewangan tujuan umum seharusnya dibentangkan untuk memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan entiti bagi tempoh sebelumnya dan dengan penyata kewangan entiti lain. Untuk mencapai objektif ini, Piawaian ini menetapkan pertimbangan keseluruhan bagi pembentangan penyata kewangan, panduan bagi strukturnya, dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan yang disediakan mengikut asas perakaunan akruan. Pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan urusan niaga tertentu dan peristiwa lain dibincangkan dalam MPSAS lain.

Skop

2. **Piawaian ini hendaklah diguna pakai untuk semua penyata kewangan tujuan umum yang disediakan dan dibentangkan di bawah asas perakaunan akruan menurut MPSAS.**
3. Penyata kewangan tujuan umum adalah untuk memenuhi keperluan pengguna yang tidak berhak meminta laporan disediakan mengikut keperluan maklumat tertentu mereka. Pengguna penyata kewangan tujuan umum termasuk pembayar cukai dan pembayar cukai pintu, ahli badan perundangan, pemiutang, pembekal, media dan pekerja. Penyata kewangan tujuan umum termasuk penyata yang dibentangkan secara berasingan atau dalam dokumen awam lain seperti laporan tahunan. Piawaian ini tidak terpakai kepada maklumat kewangan interim yang diringkaskan.
4. Piawaian ini terpakai sama rata kepada semua entiti dan sama ada entiti itu perlu atau tidak menyediakan penyata kewangan disatukan atau penyata kewangan berasingan seperti yang ditetapkan dalam MPSAS 6, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan.
5. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
6. Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE menggunakan pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam perenggan 7 di bawah.

Takrif

7. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:**

Asas akruan bermaksud asas perakaunan yang mengiktiraf urusan niaga dan peristiwa lain apabila ia berlaku (dan bukan sahaja apabila wang tunai atau kesetaraan tunainya diterima atau dibayar). Oleh itu, urusan niaga dan peristiwa dicatatkan dalam rekod perakaunan dan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tempoh ia berkaitan. Elemen yang diiktiraf di bawah perakaunan akruan ialah aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil dan belanja.

Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau dan daripada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti.

Sumbangan daripada pemilik bermaksud manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang disumbangkan kepada entiti oleh pihak di luar entiti, selain yang menyebabkan timbulnya liabiliti kepada entiti, yang mewujudkan kepentingan kewangan dalam aset bersih/ekuiti entiti, yang:

- (a) Melayakkan untuk (i) pengagihan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan oleh entiti sepanjang hayatnya, apabila pengagihan tersebut mengikut budi bicara pemilik atau wakil mereka, dan untuk (ii) pengagihan apa-apa lebihan aset atas liabiliti sekiranya entiti digulung; dan/atau;
- (b) Boleh dijual, ditukar, dipindah atau ditebus.

Pengagihan kepada pemilik bermaksud manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang diagihkan oleh entiti kepada semua atau sebahagian pemiliknya, sama ada sebagai pulangan ke atas pelaburan atau sebagai pulangan pelaburan.

Entiti ekonomi bermaksud sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti yang mengawal dan satu atau lebih entiti yang dikawal.

Belanja ialah pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan aset bersih/ekuiti, selain yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik.

Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) bermaksud entiti yang mempunyai semua ciri berikut:

- (a) Entiti yang mempunyai kuasa untuk mengikat kontrak atas namanya sendiri;
- (b) Diberi kuasa kewangan dan operasi untuk menjalankan perniagaan;
- (c) Menjual barangan dan perkhidmatan dalam operasi biasa perniagaan kepada entiti lain pada keuntungan atau kos pemulihan sepenuhnya;
- (d) Tidak bergantung pada pembiayaan kerajaan secara berterusan untuk mematuhi prinsip Usaha Berterusan (selain pembelian output secara urusniaga tulus); dan
- (e) Dikawal oleh entiti sektor awam.

Tidak praktikal untuk memenuhi sesuatu keperluan apabila entiti tidak boleh menggunakannya selepas mengambil segala langkah yang munasabah untuk berbuat demikian.

Liabiliti ialah obligasi semasa entiti yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar dari sumber entiti yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan.

Material ialah peninggalan atau salah nyata tentang item adalah material jika ia boleh, secara berasingan atau kolektif, mempengaruhi keputusan atau penilaian pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan.

Kematanan bergantung pada jenis dan jumlah ketinggalan atau silap nyata yang dinilai mengikut persekitarannya. Jenis atau jumlah item, atau gabungan kedua-duanya, boleh menjadi faktor penentu.

Aset bersih/ekuiti (juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan) ialah faedah sisa dalam aset entiti selepas menolak semua liabiliti entiti tersebut.

Nota mengandungi maklumat selain yang dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti dan penyata aliran tunai. Nota menyediakan keterangan naratif atau pengagregatan item yang dinyatakan dalam penyata tersebut dan maklumat tentang item yang tidak layak diiktiraf dalam penyata tersebut.

Hasil ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih/ekuiti, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan juga dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari Istilah yang Ditakrif yang diterbitkan secara berasingan.

- 7A. Istilah berikut diterangkan dalam MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan* dan digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan dalam MPSAS 28:
- (a) Instrumen kewangan boleh letak dikelaskan sebagai instrumen ekuiti (diterangkan dalam MPSAS 28);
 - (b) Instrumen yang mengenakan obligasi untuk menyerahkan bahagian pro rata aset bersih terhadap sesuatu entiti kepada pihak lain hanya sewaktu pembubaran dan dikelaskan sebagai instrumen ekuiti (diterangkan dalam MPSAS 28).

Entiti Ekonomi

- 8. Istilah entiti ekonomi digunakan dalam Piawaian ini untuk menentukan, bagi tujuan pelaporan kewangan, sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti yang mengawal dan apa-apa entiti yang dikawal.
- 9. Istilah lain yang kadang-kadang digunakan untuk merujuk entiti ekonomi termasuk entiti pentadbiran, entiti kewangan, entiti perakaunan, entiti disatukan dan kumpulan.
- 10. Entiti ekonomi boleh merangkumi entiti dengan dasar sosial dan objektif komersil. Sebagai contoh, jabatan perumahan kerajaan boleh menjadi entiti ekonomi yang meliputi entiti yang menyediakan perumahan dengan caj nominal, serta entiti yang menyediakan penginapan atas dasar komersil.

Manfaat Masa hadapan Ekonomi atau Potensi Perkhidmatan

- 11. Aset menyediakan satu cara untuk entiti mencapai objektifnya. Aset yang digunakan untuk menyampaikan barangan dan perkhidmatan selaras dengan objektif entiti, tetapi tidak secara langsung menjana aliran masuk tunai bersih, selalunya digambarkan sebagai mempunyai potensi perkhidmatan. Aset yang digunakan untuk menjana aliran masuk tunai bersih sering

kali digambarkan sebagai manfaat ekonomi masa hadapan. Untuk merangkumi semua tujuan penggunaan aset, Piawaian ini menggunakan istilah "manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan" untuk menerangkan ciri penting aset.

Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)

12. GBE meliputi perusahaan perdagangan, seperti utiliti, dan perusahaan kewangan, seperti institusi kewangan. GBE pada dasarnya tidak berbeza daripada entiti yang menjalankan aktiviti yang sama di sektor swasta. Pada umumnya GBE beroperasi untuk membuat keuntungan, walaupun sesetengah daripadanya mungkin mempunyai obligasi khidmat masyarakat yang terhad apabila mereka dikehendaki untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada beberapa individu dan organisasi dalam masyarakat sama ada secara percuma atau pun pengurangan caj yang signifikan. MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, menyediakan panduan untuk menentukan sama ada wujudnya kawalan atau tidak bagi tujuan pelaporan kewangan, dan seharusnya dirujuk untuk menentukan sama ada GBE dikawal oleh entiti sektor awam yang lain atau tidak.

Kematanan

13. Dalam menilai sama ada sesuatu peninggalan atau salah nyata boleh mempengaruhi keputusan pengguna, dan ia menjadi material, memerlukan pertimbangan mengenai ciri-ciri pengguna tersebut. Pengguna diandaikan mempunyai pengetahuan yang memadai tentang sektor awam, aktiviti ekonomi dan perakaunan, serta kesanggupan untuk meneliti maklumat dengan usaha yang munasabah. Oleh itu, penilaian perlu mengambil kira bagaimana pengguna dengan ciri tersebut boleh dijangka akan dipengaruhi dalam membuat dan menilai keputusan.

Aset Bersih /Ekuiti

14. Aset bersih/ekuiti ialah istilah yang digunakan dalam Piawaian ini untuk merujuk ukuran baki dalam penyata kedudukan kewangan (aset tolak liabiliti). Aset bersih/ekuiti mungkin positif atau negatif. Istilah lain boleh digunakan untuk menggantikan istilah aset bersih/ekuiti, dengan syarat maksudnya adalah jelas.

Tujuan Penyata Kewangan

15. Penyata kewangan ialah pernyataan berstruktur bagi kedudukan kewangan dan prestasi kewangan sesebuah entiti. Objektif penyata kewangan tujuan umum adalah untuk menyediakan maklumat tentang kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti yang berguna kepada pelbagai lapisan pengguna semasa membuat dan menilai keputusan berhubung dengan pengagihan sumber. Secara khususnya, objektif pelaporan kewangan tujuan umum bagi sektor awam adalah untuk menyediakan maklumat berguna dalam membuat keputusan, dan untuk menunjukkan akauntabiliti entiti terhadap sumber yang diamanahkan kepadanya, dengan:
 - (a) Menyediakan maklumat tentang sumber, pengagihan dan penggunaan sumber kewangan;
 - (b) Menyediakan maklumat tentang bagaimana entiti membiayai aktiviti dan memenuhi keperluan tunai;

- (c) Menyediakan maklumat yang berguna untuk menilai keupayaan entiti membiayai aktiviti serta memenuhi liabiliti dan komitmen;
 - (d) Menyediakan maklumat tentang keadaan kewangan entiti dan perubahannya; dan
 - (e) Menyediakan maklumat agregat yang berguna untuk menilai prestasi entiti dari segi kos perkhidmatan, kecekapan dan pencapaian.
16. Penyata kewangan tujuan umum juga mempunyai peranan prospektif atau ramalan, yang menyediakan maklumat berguna bagi meramalkan tahap sumber yang diperlukan untuk menjamin operasi berterusan, sumber yang boleh dijana melalui operasi berterusan, serta risiko dan ketidakpastian yang berkaitan. Pelaporan kewangan juga boleh memberi pengguna dengan maklumat:
- (a) Menyatakan sama ada sumber yang diperoleh dan digunakan mengikut bajet yang diluluskan oleh undang-undang;
 - (b) Menyatakan sama ada sumber yang diperoleh dan digunakan menurut kehendak undang-undang dan kontrak, termasuk had kewangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perundangan yang berkaitan.
17. Untuk memenuhi objektif ini, penyata kewangan menyediakan maklumat entiti seperti berikut:
- (a) Aset;
 - (b) Liabiliti;
 - (c) Aset bersih/ekuiti;
 - (d) Hasil;
 - (e) Belanja;
 - (f) Perubahan lain dalam aset bersih/ekuiti; dan
 - (g) Aliran tunai.
18. Walaupun maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan adalah relevan bagi tujuan memenuhi objektif dalam perenggan 15, kemungkinan tidak semua objektif itu boleh dipenuhi. Ini mungkin berlaku terutamanya bagi entiti yang objektif utamanya bukan untuk membuat keuntungan, kerana pengurus dipertanggungjawabkan ke atas pencapaian penyampaian perkhidmatan serta objektif kewangan. Maklumat tambahan, termasuk penyata bukan kewangan, boleh dilaporkan bersama dengan penyata kewangan untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang aktiviti entiti dalam tempoh tersebut.

Tanggungjawab Menyediakan Penyata Kewangan

19. Tanggungjawab menyediakan dan membentangkan penyata kewangan adalah berbeza mengikut bidang kuasa. Tambahan pula, bidang kuasa boleh membezakan antara siapa yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan dengan siapa yang bertanggungjawab meluluskan atau membentangkan penyata kewangan. Contoh individu atau jawatan yang mungkin bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan sesebuah entiti (seperti jabatan

kerajaan atau yang setara) termasuk individu yang mengetuai entiti (ketua eksekutif tetap) dan ketua agensi kewangan pusat (atau pegawai kanan kewangan, seperti pegawai pengawal atau akauntan negara).

20. Tanggungjawab menyediakan penyata kewangan disatukan untuk kerajaan secara keseluruhannya biasanya dipikul bersama antara ketua agensi kewangan pusat (atau pegawai kanan kewangan, seperti pegawai pengawal atau akauntan negara) dan menteri kewangan (atau yang setara).

Komponen Penyata Kewangan

21. **Penyata kewangan yang lengkap terdiri daripada:**

- (a) **Penyata kedudukan kewangan;**
- (b) **Penyata prestasi kewangan;**
- (c) **Penyata perubahan aset bersih/ekuiti;**
- (d) **Penyata aliran tunai;**
- (e) **Apabila entiti mendedahkan bajet yang telah diluluskan kepada awam, perbandingan jumlah bajet dengan jumlah sebenar sama ada sebagai satu penyata kewangan tambahan yang berasingan atau sebagai satu lajur bajet dalam penyata kewangan; dan**
- (f) **Nota, yang mengandungi ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.**

22. Komponen yang disenaraikan dalam perenggan 21 dirujuk dengan pelbagai nama mengikut bidang kuasa. Penyata kedudukan kewangan juga boleh dirujuk sebagai kunci kira-kira atau penyata aset dan liabiliti. Penyata prestasi kewangan juga boleh dirujuk sebagai penyata hasil dan belanja, penyata pendapatan, penyata operasi, atau penyata untung dan rugi. Nota juga boleh mengandungi item berbentuk jadual dalam sesetengah bidang kuasa.

23. Penyata kewangan memberikan maklumat tentang sumber dan obligasi entiti pada tarikh pelaporan dan aliran sumber dalam tempoh pelaporan kepada pengguna. Maklumat ini berguna untuk pengguna membuat penilaian berkaitan dengan keupayaan entiti untuk terus menyediakan barangan dan perkhidmatan pada tahap yang ditetapkan, dan sumber yang perlu disediakan kepada entiti pada masa hadapan supaya ia boleh terus memenuhi obligasi penyampaian perkhidmatannya.

24. Entiti sektor awam lazimnya tertakluk kepada had bajet dalam bentuk peruntukan atau kelulusan bajet (atau yang setara), melalui undang-undang yang berkuatkuasa. Pelaporan kewangan tujuan umum oleh entiti sektor awam boleh menyediakan maklumat sama ada sumber diperolehi dan digunakan mengikut bajet yang diluluskan undang-undang. Entiti yang mendedahkan bajet yang telah diluluskan kepada awam dikehendaki mematuhi keperluan MPSAS 24, *Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan*. Bagi entiti lain, jika penyata kewangan dan bajet menggunakan asas perakaunan yang sama, Piawaian ini menggalakkan amaun yang dibajetkan, dimasukkan ke dalam penyata kewangan bagi tujuan

perbandingan. Pelaporan bajet sesebuah entiti ini boleh dibentangkan dalam pelbagai cara, termasuklah:

- Penggunaan format berlajur bagi penyata kewangan yang menunjukkan lajur berasingan untuk jumlah dibajetkan dan jumlah sebenar. Satu lajur yang menunjukkan varian bajet atau peruntukan juga boleh dibentangkan untuk melengkapkan laporan; dan
 - Pendedahan bahawa jumlah dibajetkan tidak dilangkaui. Jika apa-apa jumlah dibajetkan atau peruntukan dilangkaui, atau belanja yang ditanggung tidak mempunyai peruntukan atau bentuk kelulusan yang lain, maka butiran ini boleh dinyatakan menggunakan nota kaki kepada item yang berkaitan dalam penyata kewangan.
25. Entiti digalakkan untuk mengemukakan maklumat tambahan bagi membantu pengguna dalam menilai prestasi entiti, dan pengawasannya terhadap aset, serta membuat dan menilai keputusan tentang pengagihan sumber. Maklumat tambahan ini boleh termasuk butiran tentang output dan hasil entiti dalam bentuk (a) penunjuk prestasi, (b) penyata prestasi perkhidmatan, (c) kajian semula program, dan (d) laporan lain oleh pihak pengurusan tentang pencapaian entiti dalam tempoh pelaporan.
26. Entiti juga digalakkan untuk menyatakan maklumat tentang pematuhan kepada perundangan, pengawalseliaan atau peraturan luaran lain yang dikenakan. Apabila maklumat tentang pematuhan tidak dinyatakan dalam penyata kewangan, sesuatu nota mungkin berguna untuk merujuk mana-mana dokumen yang menyatakan maklumat tersebut. Pengetahuan tentang ketidakpatuhan mungkin relevan bagi tujuan akauntabiliti, dan mungkin menjejaskan penilaian pengguna terhadap prestasi dan hala tuju operasi masa hadapan entiti. Ia juga boleh mempengaruhi keputusan tentang pengagihan sumber kepada entiti pada masa hadapan.

Pertimbangan Keseluruhan

Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS

27. **Penyata kewangan hendaklah membentangkan secara saksama kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai sesebuah entiti. Pembentangan saksama menghendaki gambaran sebenar kesan daripada urusan niaga, peristiwa lain dan keadaan menurut takrif dan kriteria pengiktirafan bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang ditetapkan dalam MPSAS. Penggunaan MPSAS, dengan pendedahan tambahan apabila perlu, dianggap menghasilkan penyata kewangan yang dapat mencapai pembentangan saksama.**
28. **Penyata Kewangan sesebuah entiti yang mematuhi MPSAS hendaklah membuat pernyataan yang jelas dan tepat terhadap pematuhan tersebut dalam nota. Penyata kewangan tidak boleh dikatakan sebagai mematuhi MPSAS melainkan ia telah mematuhi semua keperluan MPSAS.**
29. Dalam hampir semua keadaan, pembentangan saksama dicapai melalui pematuhan MPSAS yang berkaitan. Pembentangan saksama juga menghendaki entiti:
- (a) Memilih dan mengguna pakai dasar perakaunan menurut MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Andaian Perakaunan dan Kesilapan*. MPSAS 3 menggariskan panduan hirarki kuasa untuk pertimbangan pihak pengurusan, disebabkan tiada Piawaian khusus terpakai bagi sesuatu item.

- (b) Membentangkan maklumat, termasuk dasar perakaunan, dalam cara menyediakan maklumat yang relevan, dipercayai, boleh dibandingkan dan difahami.
 - (c) Menyediakan pendedahan tambahan apabila pematuhan kepada keperluan khusus MPSAS tidak mencukupi untuk membolehkan pengguna memahami kesan daripada urusan niaga tertentu, peristiwa lain dan keadaan kedudukan kewangan dan prestasi kewangan entiti.
30. **Dasar perakaunan yang tidak tepat, tidak boleh diperbetulkan sama ada melalui pendedahan dasar perakaunan yang digunakan atau melalui nota atau bahan penjelasan.**
31. **Dalam keadaan yang amat jarang berlaku apabila pihak pengurusan memutuskan bahawa pematuhan kepada keperluan Piawaian menjadi begitu mengelirukan sehingga mungkin bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dibentangkan dalam Piawaian ini, maka entiti boleh menyimpang daripada keperluan tersebut mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan 32 jika rangka kerja kawal selia yang berkaitan menghendaki, atau sebaliknya tidak melarang, penyimpangan tersebut.**
32. **Apabila entiti menyimpang daripada keperluan Piawaian menurut perenggan 31, entiti hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Bahawa pihak pengurusan telah memutuskan bahawa penyata kewangan dibentangkan secara saksama kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti;**
 - (b) **Bahawa entiti telah mematuhi MPSAS yang terpakai, melainkan entiti menyimpang daripada keperluan tertentu untuk mencapai pembentangan saksama;**
 - (c) **Tajuk Piawaian yang telah menyimpang daripada kandungannya, jenis penyimpangan itu, termasuk kaedah yang dikehendaki oleh Piawaian, alasan mengapa kaedah tersebut menjadi begitu mengelirukan dalam keadaan yang bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dinyatakan dalam Piawaian ini, dan kaedah yang diguna pakai; dan**
 - (d) **Bagi setiap tempoh yang dibentangkan, kesan daripada penyimpangan tersebut ke atas item yang dilaporkan dalam penyata kewangan untuk mematuhi keperluan tersebut.**
33. **Apabila entiti menyimpang daripada keperluan Piawaian dalam tempoh sebelumnya, dan penyimpangan tersebut memberikan kesan terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan bagi tempoh semasa, maka entiti hendaklah membuat pendedahan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 32 (c) dan (d).**
34. Perenggan 33 terpakai, sebagai contoh, apabila entiti menyimpang dalam tempoh sebelumnya daripada keperluan Piawaian untuk pengukuran aset atau liabiliti, dan penyimpangan itu memberikan kesan terhadap pengukuran perubahan aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan bagi tempoh semasa.

35. **Dalam keadaan yang amat jarang berlaku, apabila pihak pengurusan memutuskan bahawa pematuhan kepada keperluan Piawaian menjadi begitu mengelirukan sehingga ia mungkin bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dibentangkan dalam Piawaian ini, tetapi rangka kerja kawal selia yang berkaitan tidak membenarkan penyimpangan daripada keperluan tersebut, maka entiti hendaklah, sehingga ke tahap maksimum yang mungkin, mengurangkan aspek pematuhan yang mengelirukan dengan mendedahkan:**
- (a) **Tajuk Piawaian berkenaan, jenis keperluan, dan alasan mengapa pihak pengurusan memutuskan bahawa pematuhan kepada keperluan itu begitu mengelirukan dalam keadaan bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dinyatakan dalam Piawaian ini; dan**
 - (b) **Bagi setiap tempoh yang dibentangkan, pelarasan ke atas setiap item dalam penyata kewangan yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan mungkin diperlukan untuk mencapai pembentangan saksama.**
36. Bagi maksud perenggan 31-35, item bagi sesuatu maklumat akan bercanggah dengan objektif penyata kewangan apabila item itu tidak benar-benar mewakili urusan niaga tersebut, peristiwa lain dan keadaan yang ia bertujuan untuk mewakilinya atau secara munasabah dapat dijangka untuk mewakilinya dan, akibatnya, ia mungkin mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna penyata kewangan. Apabila membuat penilaian sama ada dengan mematuhi keperluan tertentu dalam Piawaian akan menjadi begitu mengelirukan sehingga ia bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dibentangkan dalam Piawaian ini atau tidak, pihak pengurusan mempertimbangkan:
- (a) Mengapa objektif penyata kewangan tidak dapat dicapai dalam keadaan tertentu tersebut; dan
 - (b) Bagaimana keadaan entiti berbeza daripada keadaan entiti lain yang mematuhi keperluan itu. Jika entiti lain dalam keadaan yang sama mematuhi keperluan itu, maka terdapat andaian yang boleh disangkal bahawa pematuhan entiti terhadap keperluan tidak akan menjadi begitu mengelirukan sehingga ia bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dinyatakan dalam Piawaian ini.
37. Penyimpangan daripada keperluan MPSAS untuk mematuhi keperluan pelaporan kewangan berkanun/perundangan dalam bidang kuasa tertentu tidak membentuk penyimpangan yang bercanggah dengan objektif penyata kewangan yang dinyatakan dalam Piawaian ini seperti yang digariskan dalam perenggan 31. Jika penyimpangan tersebut material, maka entiti tidak boleh menyatakan MPSAS telah dipatuhi.

Usaha Berterusan

38. **Apabila menyediakan penyata kewangan, penilaian terhadap keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan hendaklah dibuat. Penilaian ini hendaklah dibuat oleh mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan. Penyata kewangan hendaklah disediakan atas prinsip usaha berterusan melainkan adanya niat untuk membubarkan entiti atau menamatkan operasi, atau jika tidak ada alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian. Apabila mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan menyedari, semasa membuat**

penilaian mereka, tentang ketidakpastian signifikansi berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan, maka ketidakpastian itu hendaklah didedahkan. Apabila penyata kewangan tidak disediakan atas prinsip usaha berterusan, maka fakta itu hendaklah didedahkan, bersama dengan asas penyediaan penyata kewangan dan alasan mengapa entiti tidak dianggap sebagai usaha berterusan.

39. Penyata kewangan biasanya disediakan atas andaian bahawa entiti adalah satu usaha berterusan dan akan terus beroperasi dan memenuhi obligasi berkanunnya untuk masa hadapan yang boleh diramalkan. Untuk menilai sama ada andaian usaha berterusan adalah wajar, maka mereka yang bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan perlu mengambil kira semua maklumat yang ada tentang masa hadapan, yang sekurang-kurangnya, tetapi tidak terhad kepada, dua belas bulan dari tarikh kelulusan penyata kewangan.
40. Tahap pertimbangan bergantung pada fakta dalam setiap kes, dan penilaian andaian usaha berterusan bukannya berdasarkan ujian mampu bayar yang biasanya digunakan untuk perusahaan perniagaan. Mungkin terdapat keadaan yang ujian usaha berterusan terhadap kecairan dan kemampuan bayar didapati tidak tepat, tetapi faktor lain menunjukkan bahawa entiti adalah satu usaha berterusan. Sebagai contoh:
 - (a) Semasa menilai sama ada kerajaan adalah satu usaha berterusan atau tidak, kuasa untuk mengenakan bayaran atau cukai mungkin membolehkan sesetengah entiti dipertimbangkan sebagai satu usaha berterusan, walaupun ia mungkin beroperasi dengan aset bersih/ekuiti yang negatif untuk tempoh masa yang dilanjutkan; dan
 - (b) Bagi entiti individu, penilaian ke atas penyata kedudukan kewangan pada tarikh pelaporan mungkin menunjukkan bahawa andaian usaha berterusan sebagai tidak wajar. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat perjanjian pembiayaan berbilang tahun atau perancangan lain yang akan memastikan entiti tersebut terus beroperasi.
41. Penentuan sama ada andaian usaha berterusan adalah wajar atau tidak adalah relevan bagi setiap entiti dan bukannya kerajaan secara keseluruhan. Bagi entiti individu, semasa menilai sama ada asas usaha berterusan adalah wajar atau tidak, mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan mungkin perlu mempertimbangkan pelbagai faktor berkaitan dengan (a) prestasi semasa dan yang dijangka, (b) penstrukturan semula unit organisasi yang berpotensi dan diumumkan, (c) anggaran hasil atau kemungkinan pembiayaan kerajaan yang berterusan, dan (d) sumber yang berpotensi bagi penggantian pembiayaan sebelum dapat diputuskan bahawa andaian usaha berterusan itu adalah wajar.

Ketekalan Pembentangan

42. Pembentangan dan klasifikasi item dalam penyata kewangan hendaklah dikekalkan dari satu tempoh ke tempoh berikutnya melainkan:
 - (a) **Jelas bahawa, selepas perubahan signifikan dalam jenis operasi entiti atau kajian semula penyata kewangan, pembentangan atau klasifikasi lain lebih wajar setelah mengambil kira kriteria pemilihan dan pemakaian dasar perakaunan dalam MPSAS 3; atau**

(b) **MPSAS menghendaki perubahan dalam pembentangan.**

43. Pengambilalihan atau pelupusan signifikan, atau kajian semula pembentangan penyata kewangan, mungkin menunjukkan bahawa penyata kewangan perlu dibentangkan secara berbeza. Sebagai contoh, sebuah institusi kewangan melupuskan bank simpanan yang mewakili salah satu entiti paling signifikan di bawah kawalannya manakala entiti ekonomi yang lain menjalankan pengurusan pentadbiran dan khidmat nasihat dasar. Dalam kes sebegini, pembentangan penyata kewangan berdasarkan aktiviti utama entiti ekonomi sebagai institusi kewangan mungkin tidak lagi relevan bagi entiti ekonomi yang baharu.
44. Entiti mengubah pembentangan penyata kewangan hanya jika pembentangan yang diubah itu menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan kepada pengguna penyata kewangan, dan struktur yang disemak semula mungkin diteruskan, supaya kebolehbandingan tidak terjejas. Apabila membuat perubahan dalam pembentangan, entiti mengelaskan semula maklumat perbandingannya menurut perenggan 55 dan 56.

Kematanan dan Pengagregatan

45. **Setiap kelas yang material bagi item yang sama hendaklah dibentangkan secara berasingan dalam penyata kewangan. Item dengan jenis atau fungsi berbeza hendaklah dibentangkan secara berasingan, melainkan item itu tidak material.**
46. Penyata kewangan terhasil daripada pemprosesan sejumlah besar urus niaga atau peristiwa lain yang dikumpulkan ke dalam kelas mengikut jenis atau fungsinya. Peringkat akhir dalam proses pengagregatan dan pengelasan ialah pembentangan data yang padat dan terkelas, yang membentuk item barisan pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam aset bersih/ekuiti dan penyata aliran tunai, atau dalam nota. Jika item barisan tidak material secara individu, ia dikumpulkan dengan item lain sama ada pada muka penyata tersebut atau dalam nota. Sesuatu item yang tidak cukup material untuk dibentangkan secara berasingan pada muka penyata tersebut mungkin cukup material untuk dibentangkan secara berasingan dalam nota.
47. Pemakaian konsep kematanan bermaksud keperluan pendedahan khusus dalam MPSAS tidak perlu dipenuhi jika maklumat tidak material.

Mengofset

48. **Aset dan liabiliti, serta hasil dan belanja, tidak boleh diofset melainkan dikehendaki atau dibenarkan oleh MPSAS.**
49. Aset dan liabiliti, serta hasil dan belanja, adalah penting untuk dilaporkan secara berasingan. Mengofset dalam penyata prestasi kewangan atau penyata kedudukan kewangan, kecuali apabila ofset tersebut menunjukkan inti pati urus niaga atau peristiwa lain, mengurangkan keupayaan pengguna (a) untuk memahami urus niaga, peristiwa lain dan keadaan yang telah berlaku, dan (b) untuk menilai aliran tunai masa hadapan entiti. Mengukur aset yang bersih daripada elaun penilaian - sebagai contoh, elaun keusangan pada inventori dan elaun hutang ragu ke atas penghutang – bukanlah satu ofset.
50. MPSAS 9, *Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*, mendefinisikan dan menghendaki hasil diukur pada pertimbangan nilai saksama bagi hasil yang diterima atau belum terima, dengan

mengambil kira jumlah apa-apa diskaun dagangan dan rebat volum yang dibenarkan oleh entiti tersebut. Entiti menjalankan, dalam keadaan aktiviti biasanya, urus niaga lain yang tidak menjana hasil tetapi berkaitan dengan aktiviti yang menjana hasil utama. Kesan daripada urus niaga tersebut dibentangkan, apabila pembentangan ini menunjukkan inti pati urus niaga atau peristiwa lain, dengan menolak apa-apa belanja yang timbul daripada hasil berkaitan bagi urus niaga yang sama. Sebagai contoh:

- (a) Untung dan rugi daripada pelupusan aset bukan semasa, termasuk aset pelaburan dan operasi, dilaporkan dengan menolak nilai jualan pelupusan dengan nilai bawaan bagi aset dan belanja jualan yang berkaitan; dan
 - (b) Belanja berkaitan dengan peruntukan yang diiktiraf menurut MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka dan dibayar balik di bawah pengaturannya berkontrak dengan pihak ketiga (contohnya, perjanjian waranti pembekal) boleh diofset dengan pembayaran balik yang berkaitan.
51. Selain itu, untung dan rugi yang diperoleh daripada kumpulan urus niaga yang sama hendaklah dilaporkan pada asas bersih, sebagai contoh, untung dan rugi pertukaran mata wang asing serta untung dan rugi yang diperoleh daripada instrumen kewangan yang dipegang untuk didagangkan. Untung dan rugi tersebut, walau bagaimanapun, dilaporkan secara berasingan jika ia material.
52. Mengofset aliran tunai dibincangkan dalam MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai*.

Maklumat Perbandingan

53. **Melainkan apabila MPSAS membenarkan atau menghendaki sebaliknya, maklumat perbandingan hendaklah didedahkan dengan tempoh sebelumnya bagi semua jumlah yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Maklumat perbandingan hendaklah termasuk maklumat naratif dan deskriptif apabila maklumat tersebut adalah relevan untuk pemahaman penyata kewangan bagi tempoh semasa.**
54. Dalam kes tertentu, maklumat naratif yang terkandung dalam penyata kewangan bagi tempoh sebelum akan terus relevan dalam tempoh semasa. Sebagai contoh, butiran bagi pertikaian undang-undang, yang keputusannya belum ditentukan pada tarikh akhir pelaporan dan masih belum selesai, didedahkan dalam tempoh semasa. Pengguna mendapat manfaat daripada maklumat (a) bahawa ketidakpastian telah wujud pada tarikh akhir pelaporan, dan (b) tentang langkah yang telah diambil sepanjang tempoh itu untuk menyelesaikan ketidakpastian tersebut.
55. **Apabila pembentangan atau pengelasan item dalam penyata kewangan dipinda, jumlah perbandingan hendaklah dikelaskan semula melainkan pengelasan semula tidak praktikal. Apabila jumlah perbandingan dikelaskan semula, entiti hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Jenis pengelasan semula;**
 - (b) **Jumlah setiap item atau kelas item yang dikelaskan semula; dan**
 - (c) **Alasan berlakunya pengelasan semula.**
56. **Apabila pengelasan semula jumlah perbandingan yang tidak praktikal, entiti hendaklah**

mendedahkan:

- (a) **Alasan jumlah itu tidak dikelaskan semula; dan**
 - (b) **Jenis pelarasan yang akan dibuat jika jumlah tersebut telah dikelaskan semula.**
57. Peningkatan kebolehbandingan maklumat antara tempoh membantu pengguna membuat dan menilai keputusan, terutamanya dengan membolehkan penilaian trend dalam maklumat kewangan untuk tujuan ramalan. Dalam keadaan tertentu, pengelasan semula maklumat perbandingan tidak praktikal dilakukan bagi tempoh tertentu sebelumnya untuk mencapai kebolehbandingan dengan tempoh semasa. Sebagai contoh, data mungkin tidak dikumpul dalam tempoh sebelumnya dengan cara yang membolehkan pengelasan semula dilakukan, dan mungkin tidak praktikal untuk menghasilkan semula maklumat tersebut.
58. MPSAS 3 berhubung kait dengan pelarasan maklumat perbandingan yang perlu apabila entiti mengubah dasar perakaunan atau membetulkan kesilapan.

Struktur dan Kandungan

Pengenalan

59. Piawaian ini menghendaki pendedahan tertentu pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan dan penyata perubahan aset bersih/ekuiti, dan menghendaki pendedahan item barisan lain pada muka penyata tersebut atau dalam nota. MPSAS 2 menetapkan keperluan bagi pembentangan penyata aliran tunai.
60. Piawaian ini ada kalanya menggunakan istilah pendedahan dalam erti kata yang lebih luas, merangkumi item yang dibentangkan pada muka (a) penyata kedudukan kewangan, (b) penyata prestasi kewangan, (c) penyata perubahan aset bersih/ekuiti, dan (d) penyata aliran tunai, serta dalam nota. Pendedahan juga dikehendaki oleh MPSAS lain. Melainkan dinyatakan sebaliknya di mana-mana dalam Piawaian ini, atau dalam Piawaian lain, pendedahan tersebut, dibuat pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti atau penyata aliran tunai (mengikut mana-mana yang berkaitan), atau dalam nota.

Pengenalpastian Penyata Kewangan

61. **Penyata kewangan hendaklah dikenal pasti dengan jelas, dan dibezakan daripada maklumat lain dalam dokumen sama yang diterbitkan.**
62. MPSAS terpakai hanya kepada penyata kewangan, bukan kepada maklumat lain yang dibentangkan di dalam laporan tahunan atau dokumen lain. Oleh itu, adalah penting pengguna dapat membezakan maklumat yang disediakan menggunakan MPSAS dengan maklumat lain yang mungkin berguna kepada pengguna tetapi tidak tertakluk kepada keperluan tersebut.
63. **Setiap komponen penyata kewangan hendaklah dikenal pasti dengan jelas. Selain itu, maklumat berikut hendaklah dinyatakan dengan jelas dan diulang apabila perlu bagi memastikan maklumat yang dibentangkan difahami dengan sebaiknya iaitu:**
- (a) **Nama entiti yang melapor atau cara pengenalpastian lain, dan apa-apa perubahan pada maklumat dari tarikh pelaporan sebelumnya;**

- (b) **Penyata kewangan merangkumi entiti individu atau entiti ekonomi;**
 - (c) **Tarikh pelaporan atau tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, mengikut mana-mana yang sesuai dengan komponen penyata kewangan;**
 - (d) **Mata wang pembentangan, seperti yang ditetapkan dalam MPSAS 4, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing*; dan**
 - (e) **Tahap pembundaran yang digunakan semasa membentangkan angka dalam penyata kewangan.**
64. Keperluan dalam perenggan 63 biasanya dipenuhi dengan memasukkan tajuk halaman dan ringkasan tajuk lajur pada setiap halaman penyata kewangan. Pertimbangan perlu dibuat untuk menentukan cara terbaik membentangkan maklumat berkenaan. Sebagai contoh, apabila penyata kewangan dibentangkan secara elektronik, halaman berasingan tidak selalunya digunakan, item di atas kemudiannya kerap dibentangkan untuk memastikan maklumat yang dimasukkan dalam penyata kewangan difahami dengan betul.
65. Penyata kewangan biasanya lebih mudah difahami sekiranya maklumat dibentangkan dalam ribu atau juta bagi unit mata wang. Perkara ini boleh diterima selagi tahap pembundaran dalam pembentangan didedahkan dan maklumat material tidak diabaikan.

Tempoh Pelaporan

66. **Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya sekali setahun. Apabila tarikh pelaporan entiti berubah dan penyata kewangan tahunan yang dibentangkan untuk satu tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek daripada satu tahun, entiti itu hendaklah menyatakan, selain tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan:**
- (a) **Alasan mengapa menggunakan tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek; dan**
 - (b) **Fakta bahawa jumlah perbandingan untuk penyata tertentu seperti penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti, penyata aliran tunai, dan nota yang berkaitan tidak boleh dibandingkan sepenuhnya.**
67. Dalam keadaan tertentu, entiti mungkin dikehendaki, atau memutuskan untuk menukar tarikh pelaporannya, contohnya untuk menyelaraskan kitaran pelaporan agar lebih hampir dengan kitaran bajet. Apabila ini berlaku, adalah penting supaya (a) pengguna mengetahui bahawa jumlah yang ditunjukkan untuk tempoh semasa dan jumlah perbandingan tidak boleh dibandingkan, dan (b) alasan mengapa perubahan dalam tarikh pelaporan didedahkan. Satu lagi contoh adalah apabila, dalam melaksanakan peralihan perakaunan tunai kepada akruan, entiti mengubah tarikh pelaporan entiti dalam entiti ekonomi untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan disatukan.
68. Biasanya, penyata kewangan disediakan secara konsisten meliputi tempoh satu tahun. Walau bagaimanapun, atas alasan praktikal, sesetengah entiti memilih untuk melaporkan, sebagai contoh, untuk tempoh 52 minggu. Piawai ini membenarkan amalan ini, kerana penyata kewangan yang terhasil mempunyai perbezaan yang kurang material berbanding dengan penyata kewangan yang dibentangkan untuk satu tahun.

Ketepatan masa

69. Kebergunaan penyata kewangan terjejas jika ia tidak disediakan kepada pengguna dalam tempoh yang munasabah selepas tarikh pelaporan. Entiti seharusnya dapat mengeluarkan penyata kewangannya dalam tempoh sepuluh bulan selepas tarikh pelaporan. Faktor berterusan seperti kerumitan operasi entiti bukan merupakan alasan kukuh untuk gagal membuat pelaporan tepat pada masanya. Tarikh akhir yang lebih khusus adalah dikawal melalui perundangan dan peraturan dalam pelbagai bidang kuasa.

Penyata Kedudukan Kewangan

Pengasingan Semasa/Bukan Semasa

70. **Entiti hendaklah membentangkan aset semasa dan bukan semasa serta liabiliti semasa dan bukan semasa, secara pengelasan berasingan pada muka penyata kedudukan kewangannya selaras dengan perenggan 76-87, kecuali apabila pembentangan berdasarkan kecairan menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan. Apabila pengecualian tersebut terpakai, semua aset dan liabiliti hendaklah dibentangkan secara menyeluruh mengikut tahap kecairan.**
71. **Apa sahaja kaedah pembentangan yang diguna pakai, bagi setiap item barisan aset dan liabiliti yang menggabungkan jumlah yang dijangka boleh diperolehi semula atau diselesaikan (a) tidak lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, dan (b) lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, entiti hendaklah mendedahkan jumlah yang dijangka boleh diperolehi semula atau diselesaikan selepas lebih daripada dua belas bulan.**
72. Apabila entiti membekalkan barangan atau perkhidmatan dalam tempoh kitaran operasi yang dapat dikenal pasti dengan jelas, pengelasan berasingan bagi aset dan liabiliti semasa dan bukan semasa pada muka penyata kedudukan kewangan dapat menyediakan maklumat berguna dengan membezakan antara aset bersih yang sentiasa digunakan sebagai modal kerja dengan aset yang digunakan dalam operasi jangka panjang entiti. Ia juga menunjukkan aset yang akan direalisasikan dalam tempoh kitaran operasi semasa, dan liabiliti yang telah matang untuk diselesaikan dalam tempoh yang sama.
73. Bagi sesetengah entiti, seperti institusi kewangan, pembentangan aset dan liabiliti mengikut turutan kecairan sama ada meningkat atau menurun dapat memberikan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan berbanding mengikut pengelasan pembentangan semasa/bukan semasa, kerana entiti tidak membekalkan barangan atau perkhidmatan dalam tempoh kitaran operasi yang dapat dikenal pasti dengan jelas.
74. Dengan mengguna pakai perenggan 70, entiti dibenarkan untuk membentangkan sebahagian daripada aset dan liabilitinya dengan menggunakan pengelasan semasa/bukan semasa dan selainnya dalam turutan kecairan, apabila cara ini dapat memberikan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan. Keperluan bagi kombinasi asas pembentangan mungkin timbul apabila entiti menjalankan pelbagai operasi.
75. Maklumat berhubung tarikh yang dijangka untuk merealisasikan aset dan liabiliti berguna untuk menilai kecairan dan kemampuan bayar entiti. MPSAS 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*, menghendaki pendedahan tarikh matang bagi aset kewangan dan liabiliti

kewangan. Aset kewangan termasuklah penghutang dagangan dan penghutang lain, dan liabiliti kewangan termasuklah pemiutang dagangan dan pemiutang lain. Maklumat berhubung tarikh yang dijangka untuk pemulihan dan penyelesaian aset dan liabiliti bukan kewangan seperti inventori dan peruntukan juga berguna, sama ada aset dan liabiliti dikelaskan atau tidak sebagai semasa atau bukan semasa.

Aset Semasa

76. **Aset hendaklah dikelaskan sebagai semasa apabila menepati mana-mana kriteria berikut:**

- (a) **Aset dijangka direalisasikan, atau dipegang untuk jualan atau digunakan dalam, kitaran operasi biasa entiti;**
- (b) **Aset dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan;**
- (c) **Aset dijangka direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau**
- (d) **Aset adalah tunai atau kesetaraan tunai (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 2), melainkan aset tersebut tidak boleh ditukar atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.**

Semua aset lain hendaklah dikelaskan sebagai bukan semasa

77. Piawaian ini menggunakan istilah aset bukan semasa untuk merangkumi aset ketara, tak ketara dan aset kewangan yang bersifat jangka panjang. Piawaian ini juga tidak melarang penggunaan penerangan alternatif selagi maksudnya jelas.

78. Kitaran operasi entiti ialah masa yang diambil untuk menukar input atau sumber menjadi output. Sebagai contoh, kerajaan memindahkan sumber kepada entiti sektor awam supaya ia boleh menukar sumber tersebut menjadi barangan dan perkhidmatan, atau output, untuk memenuhi hasrat kerajaan terhadap sosial, politik dan kesan ekonomi. Apabila kitaran operasi biasa entiti tidak dapat dikenal pasti dengan jelas, tempoh kitaran operasi diandaikan selama dua belas bulan.

79. Aset semasa termasuk aset (seperti cukai belum terima, caj pengguna belum terima, denda dan fi kawal selia belum terima, inventori dan hasil pelaburan terakru) yang sama ada direalisasikan, digunakan atau dijual, sebagai sebahagian daripada kitaran operasi biasa walaupun tidak dijangka direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan. Aset semasa juga termasuk aset yang dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan (contohnya, termasuklah sesetengah aset kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk diperdagangkan menurut MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*) dan bahagian semasa daripada aset kewangan bukan semasa.

Liabiliti Semasa

80. **Liabiliti hendaklah dikelaskan sebagai liabiliti semasa apabila menepati mana-mana kriteria berikut:**

- (a) **Liabiliti dijangka diselesaikan dalam kitaran operasi biasa entiti;**

- (b) **Liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;**
- (c) **Liabiliti dijangka diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau**
- (d) **Entiti tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan (lihat perenggan 84). Syarat bagi liabiliti yang boleh, atas pilihan rakan niaganya, menyebabkan penyelesaian melalui terbitan instrumen ekuiti tidak akan menjejaskan pengelasannya.**

Semua liabiliti lain hendaklah dikelaskan sebagai bukan semasa.

81. Sesetengah liabiliti semasa, seperti pindahan kerajaan belum bayar dan sesetengah belanja terakru bagi pekerja dan kos operasi lain, adalah sebahagian daripada modal kerja yang digunakan dalam kitaran operasi biasa entiti. Item operasi tersebut dikelaskan sebagai liabiliti semasa walaupun ia dijangka akan diselesaikan lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan. Kitaran operasi biasa yang sama terpakai kepada pengelasan aset dan liabiliti entiti. Apabila kitaran operasi biasa entiti tidak dapat dikenal pasti dengan jelas, tempoh kitaran operasi diandaikan sebagai dua belas bulan.
82. Lain-lain liabiliti semasa yang tidak diselesaikan sebagai sebahagian daripada kitaran operasi biasa, tetapi perlu diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan atau dipegang terutamanya untuk tujuan diperdagangkan. Contohnya adalah sesetengah liabiliti kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk diperdagangkan menurut MPSAS 29, overdraf bank dan bahagian semasa daripada liabiliti kewangan bukan semasa, dividen atau pengagihan yang serupa belum bayar, cukai pendapatan dan pemiutang bukan dagangan yang lain. Liabiliti kewangan yang menyediakan pembiayaan untuk tempoh jangka panjang (iaitu bukan sebahagian daripada modal kerja yang digunakan dalam kitaran operasi biasa entiti) dan belum sampai tempoh untuk diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan ialah liabiliti bukan semasa, tertakluk kepada perenggan 85 dan 86.
83. Entiti mengelaskan liabiliti kewangannya sebagai semasa apabila perlu diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, walaupun:
 - (a) Terma asal adalah untuk tempoh lebih daripada dua belas bulan; dan
 - (b) Perjanjian untuk pembiayaan semula, atau penjadualan semula pembayaran, untuk tempoh jangka panjang disempurnakan selepas tarikh pelaporan dan sebelum penyata kewangan diluluskan untuk dikeluarkan.
84. Jika entiti menjangka, dan dengan budi bicara, untuk membiayai semula atau melanjutkan obligasi untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan di bawah kemudahan pinjaman yang sedia ada, obligasi tersebut dikelaskan sebagai bukan semasa, walaupun sebaliknya obligasi tersebut perlu dibayar dalam tempoh yang lebih singkat. Walau bagaimanapun, apabila pembiayaan semula atau pelanjutan obligasi bukan dengan budi bicara entiti (contohnya, apabila tiada perjanjian untuk pembiayaan semula), potensi untuk pembiayaan semula tidak dipertimbangkan dan obligasi tersebut dikelaskan sebagai semasa.
85. Apabila entiti melanggar satu perjanjian pinjaman jangka panjang pada atau sebelum tarikh pelaporan, yang menyebabkan liabiliti belum bayar apabila dituntut, maka liabiliti itu

dikelaskan sebagai semasa, walaupun pemberi pinjaman bersetuju, selepas tarikh pelaporan dan sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan, tidak akan menuntut bayaran akibat daripada pelanggaran tersebut. Liabiliti dikelaskan sebagai semasa kerana, pada tarikh pelaporan, entiti tidak mempunyai apa-apa hak untuk menangguhkan penyelesaiannya untuk sekurang-kurangnya selama dua belas bulan selepas tarikh tersebut.

86. Walau bagaimanapun, liabiliti dikelaskan sebagai bukan semasa jika pemberi pinjaman bersetuju pada tarikh pelaporan untuk memberikan tempoh penangguhan yang berakhir sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, yang dalam tempoh itu entiti boleh membetulkan pelanggaran itu dan sepanjang tempoh itu pemberi pinjaman tidak boleh menuntut pembayaran balik dengan serta-merta.
87. Dalam kes pinjaman yang dikelaskan sebagai liabiliti semasa, jika peristiwa berikut berlaku di antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan, peristiwa ini boleh didedahkan sebagai peristiwa yang tidak diselaraskan menurut MPSAS 14, *Peristiwa selepas Tarikh Pelaporan*:
- (a) Pembiayaan semula jangka panjang;
 - (b) Pembetulan pelanggaran bagi perjanjian pinjaman jangka panjang; dan
 - (c) Resit penerimaan daripada pemberi pinjam dalam tempoh penangguhan untuk membetulkan pelanggaran perjanjian pinjaman jangka panjang yang berakhir sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.

Maklumat yang akan Dibentangkan pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan

88. **Sekurang-kurangnya, muka penyata kedudukan kewangan hendaklah memasukkan item barisan yang membentangkan amaun berikut:**
- (a) **Hartanah, loji dan peralatan;**
 - (b) **Hartanah pelaburan;**
 - (c) **Aset tak ketara;**
 - (d) **Aset kewangan (tidak termasuk yang ditunjukkan di bawah (e), (g), (h) dan (i));**
 - (e) **Pelaburan dilaporkan menggunakan kaedah ekuiti;**
 - (f) **Inventori;**
 - (g) **Urus niaga bukan pertukaran boleh pulih (cukai dan pindahan);**

 - (h) **Urus niaga pertukaran belum terima;**
 - (i) **Tunai dan kesetaraan tunai;**
 - (j) **Cukai dan pindahan belum bayar;**
 - (k) **Urus niaga pertukaran belum bayar;**

- (l) **Peruntukan;**
 - (m) **Liabiliti kewangan (tidak termasuk jumlah yang ditunjukkan di bawah (j), (k) dan (l));**
 - (n) **Kepentingan minoriti, dibentangkan dalam aset bersih/ekuiti; dan**
 - (o) **Aset bersih/ekuiti yang diperoleh daripada pemilik yang mengawal entiti.**
89. **Item barisan tambahan, tajuk dan jumlah kecil hendaklah dibentangkan pada muka penyata kedudukan kewangan apabila pembentangan tersebut adalah relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti.**
90. Piawaian ini tidak menetapkan turutan atau format bagaimana item perlu dibentangkan. Perenggan 88 hanya menyediakan senarai item yang amat berbeza dari segi jenis atau fungsi untuk membolehkan pembentangan berasingan dibuat pada muka penyata kedudukan kewangan. Format ilustrasi ada dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Piawaian ini. Selain itu:
- (a) Item barisan dimasukkan apabila saiz, jenis atau fungsi item atau pengagregatan item yang sama diperlukan supaya pembentangan berasingan adalah relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti; dan
 - (b) Penerangan yang digunakan dan turutan item atau pengagregatan item yang sama boleh dipinda mengikut jenis entiti dan urusan niaganya, bagi memberikan maklumat yang relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti.
91. Pertimbangan sama ada item tambahan dibentangkan secara berasingan adalah berdasarkan penilaian:
- (a) Jenis dan kecairan aset;
 - (b) Fungsi aset dalam entiti; dan
 - (c) Amaun, jenis dan pemasaan liabiliti.
92. Penggunaan asas pengukuran yang berlainan bagi kelas aset yang berbeza menunjukkan bahawa jenis atau fungsinya adalah berbeza, dan, oleh itu, ia seharusnya dibentangkan sebagai item barisan yang berasingan. Sebagai contoh, kelas bagi hartanah, loji dan peralatan yang berlainan boleh dibawa pada kos atau amaun yang dinilai semula menurut MPSAS 17, *Hartanah, Loji dan Peralatan*.

Maklumat yang akan Dibentangkan sama ada di Muka Penyata Kedudukan Kewangan atau dalam Nota

93. **Entiti hendaklah mendedahkan, sama ada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota, sub-klasifikasi selanjutnya bagi item barisan yang dibentangkan, yang dikelaskan dengan cara yang bersesuaian dengan operasi entiti.**
94. Maklumat terperinci yang terdapat dalam sub-klasifikasi bergantung kepada keperluan MPSAS dan juga berdasarkan saiz, jenis dan fungsi amaun yang terlibat. Faktor yang dinyatakan dalam perenggan 91 juga digunakan bagi menentukan asas sub-klasifikasi. Pendedahan adalah

berbeza untuk setiap item, contohnya:

- (a) Item hartanah, loji dan peralatan dipecahkan mengikut kelas menurut MPSAS 17;
- (b) Akaun belum terima dipecahkan kepada amaun belum terima daripada caj pengguna, cukai dan hasil bukan pertukaran yang lain, amaun belum terima daripada pihak berkaitan, bayaran terdahulu dan jumlah lain;
- (c) Inventori dimasukkan ke dalam sub-klasifikasi menurut MPSAS 12, *Inventori*, seperti barang niaga, bekalan pengeluaran, bahan, kerja dalam proses dan barang siap;
- (d) Cukai dan pindahan belum bayar dipecahkan kepada bayaran balik cukai belum bayar, pindahan belum bayar, dan amaun belum bayar kepada ahli entiti ekonomi yang lain;
- (e) Peruntukan dipecahkan kepada peruntukan bagi manfaat pekerja dan item lain; dan
- (f) Komponen aset bersih/ekuiti dipecahkan kepada caruman modal, lebihan dan kurangan terkumpul, serta lain-lain rizab.

95. **Apabila entiti tidak mempunyai modal saham, ia hendaklah mendedahkan aset bersih/ekuiti, sama ada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota, yang ditunjukkan secara berasingan:**

- (a) **Caruman modal, sebagai jumlah terkumpul pada tarikh pelaporan bagi sumbangan daripada pemilik, tolak pengagihan kepada pemilik;**
- (b) **Lebihan atau kurangan terkumpul;**
- (c) **Rizab, termasuk keterangan tentang jenis dan tujuan setiap rizab dalam aset bersih/ekuiti; dan**
- (d) **Kepentingan minoriti.**

95A. **Jika entiti mengklasifikasikan semula:**

- (a) **Instrumen kewangan boleh letak yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti; atau**
- (b) **Instrumen yang mengenakan obligasi ke atas entiti untuk menyerahkan bahagian pro rata aset bersih entiti kepada pihak lain hanya pada pembubaran dan dikelaskan sebagai instrumen ekuiti;**

antara liabiliti kewangan dan aset bersih/ekuiti, entiti hendaklah mendedahkan jumlah yang dikelaskan semula ke dalam setiap kategori dan daripada setiap kategori (liabiliti kewangan atau aset bersih/ekuiti), dan pemasaan dan alasan bagi klasifikasi semula tersebut.

96. Kebanyakan entiti sektor awam tidak mempunyai modal saham, tetapi entiti tersebut dikawal secara eksklusif oleh entiti sektor awam yang lain. Jenis kepentingan kerajaan dalam aset bersih/ekuiti entiti mungkin merupakan kombinasi caruman modal dan agregat daripada lebihan atau kurangan terkumpul dan rizab entiti yang menunjukkan aset bersih/ekuiti yang diperolehi daripada operasi entiti.

97. Dalam sesetengah kes, mungkin terdapat kepentingan minoriti dalam aset bersih/ekuiti entiti. Sebagai contoh, pada peringkat keseluruhan kerajaan, entiti ekonomi mungkin termasuk GBE yang telah diswastakan sebahagiannya. Sehubungan dengan itu, mungkin terdapat pemegang saham swasta yang mempunyai kepentingan kewangan dalam aset bersih/ekuiti entiti.
98. **Apabila entiti mempunyai modal saham, selain pendedahan dalam perenggan 95, entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut, sama ada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota:**
- (a) **Bagi setiap kelas modal saham:**
 - (i) **Bilangan saham yang dibenarkan;**
 - (ii) **Bilangan saham yang diterbitkan dan dibayar penuh, dan bilangan saham yang diterbitkan tetapi tidak dibayar penuh;**
 - (iii) **Nilai tara sesaham, atau saham yang tidak mempunyai nilai tara;**
 - (iv) **Penyesuaian bilangan saham belum dijelaskan pada awal dan akhir tahun;**
 - (v) **Hak, keutamaan dan sekatan yang terdapat dalam kelas tersebut, termasuk sekatan ke atas pengagihan dividen dan pembayaran balik modal;**
 - (vi) **Saham dalam entiti yang dipegang oleh entiti atau oleh entiti yang dikawal atau entiti bersekutu; dan**
 - (vii) **Saham yang dikhaskan untuk terbitan di bawah opsiyen dan kontrak untuk penjualan saham, termasuk terma dan amaun; dan**
 - (b) **Keterangan tentang jenis dan tujuan setiap rizab dalam aset bersih/ekuiti.**

Penyata Prestasi Kewangan

Lebihan atau Kurangan bagi Sesuatu Tempoh

99. **Semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan, melainkan MPSAS menghendaki sebaliknya.**
100. Biasanya, semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan. Ini termasuklah kesan daripada perubahan dalam anggaran perakaunan. Walau bagaimanapun, mungkin wujud keadaan apabila item tertentu yang mungkin tidak dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi tempoh semasa. MPSAS 3 membincangkan dua keadaan tersebut: pembetulan kesilapan dan kesan daripada perubahan dasar perakaunan.
101. MPSAS lain membincangkan item yang mungkin memenuhi definisi hasil atau belanja yang dinyatakan dalam Piawai ini, tetapi biasanya tidak dimasukkan dalam lebihan atau kurangan. Contohnya termasuklah lebihan penilaian semula (rujuk MPSAS 17), khususnya (a) untung dan rugi yang timbul daripada terjemahan terhadap penyata kewangan operasi asing (rujuk MPSAS

4), dan (b) untung atau rugi berhubung dengan pengukuran semula aset kewangan sedia-untuk-dijual (panduan tentang pengukuran aset kewangan boleh didapati dalam MPSAS 29).

Maklumat yang akan Dibentangkan pada Muka Penyata Prestasi Kewangan

102. **Sekurang-kurangnya muka penyata prestasi kewangan hendaklah mengandungi item barisan yang membentangkan jumlah berikut bagi sesuatu tempoh:**
- (a) **Hasil;**
 - (b) **Kos pembiayaan;**
 - (c) **Bahagian lebih atau kurang daripada syarikat bersekutu dan usaha sama yang diperakaunkan menggunakan kaedah ekuiti;**
 - (d) **Untung atau rugi sebelum cukai yang diiktiraf bagi pelupusan aset atau penyelesaian liabiliti disebabkan oleh penamatan operasi; dan**
 - (e) **Lebih atau kurang.**
103. **Item berikut hendaklah didedahkan pada muka penyata prestasi kewangan sebagai agihan lebih atau kurang bagi sesuatu tempoh:**
- (a) **Lebih atau kurang diperoleh daripada kepentingan minoriti; dan**
 - (b) **Lebih atau kurang diperoleh daripada pemilik yang mengawal entiti.**
104. **Tambahan item barisan, tajuk dan jumlah kecil hendaklah dibentangkan pada muka penyata prestasi kewangan sekiranya maklumat pembentangan tersebut relevan untuk memahami prestasi kewangan entiti.**
105. Memandangkan kesan daripada pelbagai aktiviti, urus niaga dan peristiwa lain entiti adalah berbeza dari segi impak ke atas keupayaan entiti untuk memenuhi obligasi penyampaian perkhidmatannya, maka dengan mendedahkan komponen prestasi kewangan dapat membantu dalam memahami pencapaian prestasi kewangan dan membuat unjuran terhadap keberhasilan masa hadapan. Tambahan item barisan dimasukkan pada muka penyata prestasi kewangan, dan keterangan yang digunakan dan aturan item akan dipinda sekiranya perlu untuk menerangkan elemen prestasi. Faktor yang akan dipertimbangkan termasuklah kematangan serta jenis dan fungsi komponen hasil dan belanja. Item hasil dan belanja tidak diofset melainkan kriteria dalam perenggan 48 dipenuhi.

Maklumat yang akan Dibentangkan sama ada pada Muka Penyata Prestasi Kewangan atau dalam Nota

106. **Apabila item hasil dan belanja adalah material, maka jenis dan amaunnya hendaklah didedahkan secara berasingan.**

107. Keadaan yang boleh menyebabkan item hasil dan belanja didedahkan secara berasingan termasuklah:
- (a) Penurunan nilai inventori kepada nilai realisasi bersih atau hartanah, loji dan peralatan kepada amaun boleh pulih atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika sesuai, serta catatan songsang daripada penurunan nilai tersebut;
 - (b) Penstrukturan semula aktiviti entiti dan apa-apa catatan songsang peruntukan untuk kos penstrukturan semula;
 - (c) Pelupusan item hartanah, loji dan peralatan;
 - (d) Penswastaaan atau pelupusan pelaburan yang lain;
 - (e) Penamatan operasi;
 - (f) Penyelesaian litigasi; dan
 - (g) Lain-lain catatan songsang peruntukan.
108. **Entiti hendaklah membentangkan, sama ada pada muka penyata prestasi kewangan atau dalam nota, sub-klasifikasi bagi jumlah hasil, yang diklasifikasikan mengikut cara yang bersesuaian dengan operasi entiti.**
109. **Entiti hendaklah membentangkan, sama ada pada muka penyata prestasi kewangan atau dalam nota, analisis perbelanjaan dengan menggunakan klasifikasi sama ada berdasarkan belanja mengikut jenis atau fungsi dalam entiti, mengikut mana-mana yang dapat menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan.**
110. Entiti digalakkan untuk membentangkan analisis dalam perenggan 109 pada muka penyata prestasi kewangan.
111. Belanja adalah disub-klasifikasikan untuk memberikan penekanan kepada kos dan pemulihan kos bagi program tertentu, aktiviti atau segmen lain yang berkaitan bagi entiti yang melapor. Analisis ini disediakan dalam salah satu daripada dua cara.
112. Bentuk pertama analisis adalah kaedah belanja mengikut jenis. Belanja diagregatkan dalam penyata prestasi kewangan mengikut jenis (contohnya, susut nilai, pembelian bahan, kos pengangkutan, manfaat pekerja dan kos pengiklanan), dan tidak diperuntukkan semula antara pelbagai fungsi dalam entiti. Kaedah ini mungkin mudah untuk digunakan kerana tidak memerlukan agihan belanja untuk diklasifikasikan mengikut fungsi. Contoh klasifikasi yang menggunakan kaedah belanja mengikut jenis adalah seperti yang berikut:

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

Hasil	X
Kos manfaat pekerja	X
Susut nilai dan belanja pelunasan	X
Lain-lain Belanja	<u>X</u>
Keseluruhan belanja	<u>(X)</u>
Lebihan	<u>X</u>

113. Bentuk kedua analisis ialah kaedah belanja mengikut fungsi dan klasifikasi belanja adalah mengikut program atau tujuan belanja dibuat. Kaedah ini boleh memberikan maklumat yang lebih relevan kepada pengguna berbanding klasifikasi belanja mengikut jenis, tetapi memperuntukkan kos kepada fungsi mungkin memerlukan peruntukan arbitrari dan melibatkan pertimbangan yang terperinci. Contoh klasifikasi yang menggunakan kaedah belanja mengikut fungsi adalah seperti yang berikut:

Hasil	X
Belanja:	
Belanja kesihatan	(X)
Belanja pendidikan	(X)
Lain-lain Belanja	<u>(X)</u>
Lebihan	<u>X</u>

114. Belanja berkaitan dengan fungsi utama yang dijalankan oleh entiti ditunjukkan secara berasingan. Dalam contoh ini, entiti yang mempunyai fungsi berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, akan membentangkan item barisan belanja tersebut mengikut setiap fungsi.

115. **Entiti yang mengklasifikasikan belanja mengikut fungsi hendaklah mendedahkan maklumat tambahan tentang jenis belanja, termasuk belanja susut nilai dan pelunasan dan belanja manfaat pekerja.**

116. Pilihan antara kaedah belanja mengikut fungsi dan kaedah belanja mengikut jenis bergantung pada faktor sejarah dan kawal selia dan jenis entiti. Kedua-dua kaedah memberikan petunjuk kos tersebut yang mungkin berbeza, secara langsung atau tidak langsung, dengan output entiti. Memandangkan setiap kaedah pembentangan mempunyai merit untuk jenis entiti yang berlainan, maka Piawaian ini menghendaki pihak pengurusan memilih pembentangan yang paling relevan dan boleh dipercayai. Walau bagaimanapun, disebabkan maklumat tentang belanja mengikut jenis berguna untuk meramalkan aliran tunai masa hadapan, maka

pendedahan tambahan diperlukan apabila klasifikasi belanja mengikut fungsi digunakan. Dalam perenggan 115, manfaat pekerja mempunyai maksud yang sama seperti dalam MPSAS 25, *Manfaat Pekerja*.

117. **Apabila entiti menyediakan dividen atau pengagihan serupa kepada pemiliknya dan mempunyai modal saham, ia hendaklah mendedahkan, sama ada pada muka penyata prestasi kewangan atau penyata perubahan aset bersih/ekuiti, atau dalam nota, amaun dividen atau pengagihan serupa yang diiktiraf sebagai pengagihan kepada pemilik dalam tempoh itu, dan amaun yang berkaitan bagi setiap saham.**

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti

118. **Entiti hendaklah membentangkan penyata perubahan aset bersih/ekuiti (juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan) dengan menunjukkan pada muka penyata:**
- (a) **Lebihan atau kekurangan bagi tempoh itu;**
 - (b) **Ringkasan baki Akaun Amanah Kerajaan;**
 - (c) **Setiap item hasil dan belanja bagi tempoh itu yang, seperti dikehendaki dalam Piawaian lain, diiktiraf secara langsung di dalam aset bersih/ekuiti, dan jumlah keseluruhan item ini;**
 - (d) **Keseluruhan hasil dan belanja bagi tempoh itu (dikira sebagai jumlah (a) dan (c), dengan menunjukkan secara berasingan keseluruhan jumlah mengikut pemilik yang mengawal entiti dan kepentingan minoriti; dan**
 - (e) **Bagi setiap komponen aset bersih/ekuiti yang dinyatakan secara berasingan, kesan daripada perubahan dasar perakaunan dan pembetulan kesilapan diiktiraf menurut MPSAS 3.**
119. **Entiti hendaklah juga membentangkan, sama ada pada muka penyata perubahan aset bersih/ekuiti atau dalam nota:**
- (a) **Amaun urus niaga dengan pemilik yang bertindak mengikut kapasiti mereka sebagai pemilik, dengan menunjukkan secara berasingan agihan kepada pemilik;**
 - (b) **Baki lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh dan pada tarikh pelaporan, dan perubahan sepanjang tempoh itu; dan**
 - (c) **Sehingga setakat komponen aset bersih/ekuiti didedahkan secara berasingan, penyesuaian di antara nilai bawaan bagi setiap komponen aset bersih/ekuiti pada awal dan akhir tempoh, dengan setiap perubahan didedahkan secara berasingan.**
120. **Perubahan aset bersih/ekuiti entiti di antara dua tarikh pelaporan menunjukkan peningkatan atau pengurangan aset bersih sepanjang tempoh itu.**

121. Keseluruhan perubahan aset bersih/ekuiti sepanjang tempoh mewakili keseluruhan jumlah lebihan atau kurangan bagi sesuatu tempoh, hasil dan belanja lain diiktiraf secara langsung sebagai perubahan aset bersih/ekuiti, termasuk apa-apa sumbangan oleh, dan agihan kepada, pemilik dalam kapasitinya sebagai pemilik.
122. Sumbangan oleh, dan agihan kepada, pemilik termasuk pindahan di antara dua entiti dalam entiti ekonomi (contohnya, pindahan daripada kerajaan, dalam kapasitinya sebagai pemilik, kepada jabatan kerajaan). Sumbangan oleh pemilik dalam kapasitinya sebagai pemilik kepada entiti yang dikawal, diiktiraf sebagai pelarasan langsung kepada aset bersih/ekuiti hanya apabila sumbangan tersebut jelas meningkatkan kepentingannya dalam bentuk hak kepada aset bersih/ekuiti entiti.
123. Piawaian ini menghendaki semua item hasil dan belanja diiktiraf dalam sesuatu tempoh diambil kira dalam lebihan atau kurangan, melainkan MPSAS lain menghendaki sebaliknya. MPSAS lain menghendaki sesetengah item (seperti peningkatan dan pengurangan penilaian semula, perbezaan pertukaran asing yang tertentu) diiktiraf secara langsung sebagai perubahan aset bersih/ekuiti. Pertimbangan semua item hasil dan belanja bagi menilai perubahan dalam kedudukan kewangan entiti di antara dua tarikh pelaporan adalah penting, maka Piawaian ini menghendaki pembentangan penyata perubahan aset bersih/ekuiti yang menekankan jumlah hasil dan belanja entiti, termasuk yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.
124. MPSAS 3 menghendaki pelarasan retrospektif untuk menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan, setakat yang boleh dipraktikkan, kecuali apabila peruntukan peralihan dalam MPSAS lain menghendaki sebaliknya. MPSAS 3 juga menghendaki pernyataan semula itu untuk membetulkan kesilapan yang dibuat secara retrospektif, setakat yang boleh dipraktikkan. Pelarasan retrospektif dan pernyataan semula retrospektif dibuat berdasarkan baki lebihan atau kurangan terkumpul, kecuali apabila MPSAS menghendaki pelarasan retrospektif bagi komponen lain dalam aset bersih/ekuiti. Perenggan 118 (d) menghendaki pendedahan dalam penyata perubahan aset bersih/ekuiti bagi keseluruhan pelarasan terhadap setiap komponen aset bersih/ekuiti yang didedahkan secara berasingan akibat daripada perubahan dalam dasar perakaunan dan pembetulan kesilapan. Pelarasan ini didedahkan pada setiap tempoh sebelum dan awal tempoh.
125. Keperluan dalam perenggan 118 dan 119 boleh dipenuhi dengan menggunakan format berlajur yang menyelaraskan baki awal dan baki akhir bagi setiap elemen dalam aset bersih/ekuiti. Alternatif lain adalah dengan membentangkan hanya item yang dinyatakan dalam perenggan 118 bagi penyata perubahan aset bersih/ekuiti. Melalui pendekatan ini, item yang dinyatakan dalam perenggan 119 ditunjukkan dalam nota.

Penyata Aliran Tunai

126. Maklumat aliran tunai menyediakan asas kepada pengguna penyata kewangan untuk menilai (a) keupayaan entiti untuk menjana tunai dan kesetaraan tunai, dan (b) keperluan entiti untuk menggunakan aliran tunai tersebut. MPSAS 2 menyatakan keperluan untuk pembentangan penyata aliran tunai dan pendedahan yang berkaitan.

Nota

Struktur

127. Nota hendaklah:

- (a) **Membentangkan maklumat tentang asas penyediaan penyata kewangan dan dasar perakaunan khusus yang digunakan, menurut perenggan 132-139;**
- (b) **Mendedahkan maklumat yang dikehendaki oleh MPSAS yang tidak dibentangkan pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti atau penyata aliran tunai; dan**
- (c) **Memberikan maklumat tambahan yang tidak dibentangkan pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti atau penyata aliran tunai, tetapi maklumat itu relevan untuk memahami mana-mana penyata tersebut.**

128. Nota hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, dibentangkan dengan cara yang sistematik. Setiap item pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti dan penyata aliran tunai hendaklah dirujuk silang kepada apa-apa maklumat yang berkaitan dalam nota.

129. Nota biasanya dibentangkan dalam turutan berikut, yang membantu pengguna memahami penyata kewangan dan membandingkannya dengan penyata kewangan entiti lain:

- (a) Pernyataan pematuhan kepada MPSAS (rujuk perenggan 28);
- (b) Ringkasan dasar perakaunan signifikan yang digunakan (rujuk-perenggan 132);
- (c) Maklumat sokongan untuk item yang dibentangkan pada muka penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti atau penyata aliran tunai, mengikut turutan setiap penyata dan setiap item barisan dibentangkan; dan
- (d) Pendedahan lain, termasuk:
 - (i) Liabiliti luar jangka (rujuk MPSAS 19), dan komitmen berkontrak yang tidak diiktiraf; dan
 - (ii) Pendedahan bukan kewangan, contohnya, objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan entiti (rujuk MPSAS 30).

130. Dalam beberapa keadaan, mungkin terdapat keperluan atau kewajaran untuk mengubah susunan item tertentu dalam nota. Sebagai contoh, maklumat tentang perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan boleh digabungkan dengan maklumat kematangan instrumen kewangan, walaupun pendedahan terdahulu berkaitan dengan penyata prestasi kewangan dan yang terkemudian berkaitan dengan penyata kedudukan kewangan. Walau

bagaimanapun, satu struktur nota yang sistematik hendaklah dikekalkan setakat yang boleh dipraktikkan.

131. Nota yang menyediakan maklumat tentang asas penyediaan penyata kewangan, dan dasar perakaunan tertentu boleh dikemukakan sebagai komponen berasingan dalam penyata kewangan.

Pendedahan Dasar Perakaunan

132. Entiti hendaklah mendedahkan ringkasan dasar perakaunan yang signifikan:
- (a) **Asas pengukuran yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan;**
 - (b) **Setakat mana entiti telah menggunakan apa-apa peruntukan peralihan dalam mana-mana MPSAS; dan**
 - (c) **Dasar perakaunan relevan lain yang digunakan dalam memahami penyata kewangan.**
133. Asas pengukuran atau asas yang digunakan dalam penyata kewangan (sebagai contoh, kos sejarah, kos semasa, nilai realisasi bersih, nilai saksama, jumlah boleh pulih atau jumlah perkhidmatan boleh pulih) adalah penting dimaklumkan kepada pengguna kerana asas yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan akan memberi kesan signifikan ke atas analisis pengguna. Apabila lebih daripada satu asas pengukuran digunakan dalam penyata kewangan, contohnya apabila kelas tertentu aset dinilai semula, adalah memadai memberi petunjuk setiap asas pengukuran yang telah digunakan bagi kategori aset dan liabiliti.
134. Pihak pengurusan perlu memutuskan sama ada dasar perakaunan yang tertentu perlu didedahkan atau tidak dengan mempertimbangkan sama ada pendedahan akan membantu pengguna untuk memahami bagaimana urus niaga, peristiwa lain dan keadaan digambarkan dalam laporan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan. Pendedahan dasar perakaunan yang tertentu berguna terutamanya kepada pengguna apabila dasar tersebut dipilih daripada alternatif yang dibenarkan dalam MPSAS. Contohnya ialah pendedahan sama ada pengusaha niaga mengiktiraf kepentingannya dalam entiti dikawal bersama yang menggunakan penyatuan berkadar atau kaedah ekuiti (rujuk MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*). Beberapa MPSAS secara khususnya menghendaki pendedahan dasar perakaunan yang tertentu, termasuk pilihan pihak pengurusan antara beberapa dasar berbeza yang dibenarkan oleh Piawaian tersebut. Sebagai contoh, MPSAS 17 menghendaki pendedahan asas pengukuran yang digunakan untuk kelas hartanah, loji dan peralatan. MPSAS 5, *Kos Pinjaman*, menghendaki pendedahan dibuat sama ada kos pinjaman diiktiraf dengan serta-merta sebagai belanja atau dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos sesuatu aset layak.
135. Setiap entiti mempertimbangkan jangkaan pengguna ke atas jenis operasi dan dasar yang perlu didedahkan dalam penyata kewangan mengikut jenis entiti tersebut. Sebagai contoh, entiti sektor awam dijangka akan mendedahkan dasar perakaunan untuk pengiktirafan cukai, derma dan bentuk lain hasil bukan pertukaran. Apabila entiti mempunyai operasi asing yang signifikan atau urus niaga dalam mata wang asing, pengguna menjangka dasar perakaunan untuk

mengiktiraf untung rugi pertukaran asing akan didedahkan. Apabila berlakunya gabungan entiti, dasar yang digunakan untuk mengukur muhibah dan kepentingan minoriti didedahkan.

136. Dasar perakaunan mungkin signifikan bergantung kepada jenis operasi entiti, walaupun amaun bagi tempoh semasa dan sebelumnya tidak material. Sememangnya wajar untuk mendedahkan setiap dasar perakaunan signifikan yang tidak secara khusus dikehendaki oleh MPSAS, tetapi dipilih dan digunakan menurut MPSAS 3.
137. **Entiti hendaklah mendedahkan, dalam ringkasan dasar perakaunan yang signifikan atau nota lain, pertimbangan, selain yang melibatkan anggaran (rujuk perenggan 140), yang telah dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan entiti yang memberikan kesan yang paling signifikan ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.**
138. Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan entiti, pihak pengurusan membuat pelbagai pertimbangan, selain yang melibatkan anggaran, yang boleh memberi kesan signifikan ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Sebagai contoh, pihak pengurusan membuat pertimbangan untuk menentukan:
- Sama ada aset adalah hartanah pelaburan atau tidak;
 - Sama ada peruntukan dalam perjanjian bagi barangan dan/atau perkhidmatan melibatkan penggunaan aset khusus adalah pajakan atau tidak;
 - Sama ada, pada dasarnya, jualan barangan tertentu adalah secara pembiayaan kewangan atau tidak, dan justeru itu tidak memberikan hasil; dan
 - Sama ada hubungan kukuh antara entiti yang melapor dengan entiti lain menunjukkan bahawa entiti lain ini dikawal oleh entiti yang melapor.
139. Sesetengah pendedahan yang dibuat menurut perenggan 137 dikehendaki oleh MPSAS lain. Sebagai contoh, MPSAS 6 menghendaki entiti mendedahkan alasan mengapa kepentingan pemilikan entiti tidak membentuk kawalan, berhubung dengan penerima pelaburan yang bukannya merupakan entiti dikawal, walaupun lebih daripada separuh kuasa mengundi atau potensi kuasa mengundinya dimiliki secara langsung atau tidak langsung melalui entiti dikawal. MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*, menghendaki pendedahan kriteria yang ditetapkan oleh entiti yang dapat membezakan hartanah pelaburan daripada hartanah yang dihuni pemilik, dan daripada hartanah yang dipegang untuk dijual dalam keadaan biasa perniagaan, apabila klasifikasi hartanah itu sukar dilakukan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

140. **Entiti hendaklah mendedahkan dalam nota, maklumat tentang (a) andaian utama berkenaan masa hadapan, dan (b) sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material terhadap amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Bagi aset dan liabiliti tersebut, nota hendaklah menyatakan butiran**

mengenai:

- (a) **Jenisnya; dan**
- (b) **Amaun bawaan pada tarikh pelaporan.**

141. Penentuan nilai bawaan bagi sesetengah aset dan liabiliti memerlukan anggaran yang disebabkan oleh kesan daripada ketidakpastian peristiwa masa hadapan ke atas aset dan liabiliti pada tarikh pelaporan. Sebagai contoh, ketiadaan harga pasaran terkini untuk mengukur aset dan liabiliti berikut, anggaran berorientasikan masa hadapan adalah perlu untuk mengukur (a) amaun boleh pulih bagi kelas tertentu hartanah, loji dan peralatan, (b) kesan keusangan teknologi pada inventori, dan (c) peruntukan tertakluk kepada keputusan masa hadapan bagi litigasi yang sedang berlangsung. Anggaran ini melibatkan andaian item tersebut sebagai pelarasan risiko terhadap aliran tunai atau kadar diskaun yang digunakan dan perubahan harga masa hadapan yang mempengaruhi kos lain.
142. Andaian utama dan sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran didedahkan menurut perenggan 140 berkaitan dengan anggaran yang memerlukan pertimbangan pihak pengurusan yang paling sukar, subjektif atau kompleks. Dengan meningkatnya bilangan pemboleh ubah dan andaian yang mempengaruhi resolusi masa hadapan bagi ketidaktentuan itu, maka pertimbangan tersebut menjadi lebih subjektif dan kompleks, dan potensi untuk pelarasan material yang berbangkit daripada nilai bawaan bagi aset dan liabiliti biasanya turut meningkat.
143. Pendedahan dalam perenggan 140 tidak diperlukan bagi aset dan liabiliti yang mempunyai risiko yang signifikan apabila nilai bawaan mungkin berubah secara material dalam tahun kewangan berikutnya jika, pada tarikh pelaporan, ia diukur pada nilai saksama berdasarkan pemerhatian harga pasaran terkini (nilai saksamanya mungkin berubah secara material dalam tahun kewangan berikutnya, tetapi perubahan ini tidak akan timbul daripada andaian atau sumber maklumat lain yang berhubung dengan ketidaktentuan anggaran pada tarikh pelaporan).
144. Pendedahan dalam perenggan 140 dibentangkan dalam cara yang dapat membantu pengguna penyata kewangan memahami pertimbangan yang dibuat oleh pihak pengurusan tentang masa hadapan dan ketidakpastian anggaran sumber utama lain. Jenis dan tahap maklumat yang diberikan bergantung kepada jenis andaian dan keadaan lain. Contoh jenis pendedahan yang dibuat ialah:
- (a) Jenis andaian atau ketidakpastian anggaran yang lain;
 - (b) Kepekaan nilai bawaan terhadap kaedah, andaian dan anggaran asas pengiraannya, termasuk alasan bagi kepekaan tersebut;
 - (c) Jangkaan resolusi bagi ketidakpastian dan pelbagai kemungkinan yang munasabah dalam tahun kewangan berikutnya terhadap nilai bawaan bagi aset dan liabiliti yang terlibat; dan
 - (d) Penjelasan tentang perubahan yang dibuat terhadap andaian sebelum ini berkaitan

dengan aset dan liabiliti tersebut, jika ketidakpastian masih belum diselesaikan.

145. Pendedahan maklumat atau ramalan bajet dalam perenggan 140 adalah tidak perlu.
146. Apabila tidak praktikal untuk mendedahkan tahap kesan yang mungkin timbul daripada andaian utama atau sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, maka entiti hendaklah mendedahkan semunasabah yang mungkin, berdasarkan maklumat yang ada, bahawa hasil dalam tahun kewangan berikutnya yang berbeza daripada andaian mungkin memerlukan pelarasan material kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang terlibat. Dalam semua kes, entiti hendaklah mendedahkan jenis dan nilai bawaan aset atau liabiliti tertentu (atau kelas aset atau liabiliti) yang terlibat dengan andaian tersebut.
147. Pendedahan dalam perenggan 137 tentang pertimbangan tertentu oleh pihak pengurusan semasa melaksanakan dasar perakaunan entiti tiada kaitan dengan pendedahan sumber utama berhubung dengan ketidakpastian anggaran dalam perenggan 140 .
148. Pendedahan sesetengah andaian utama yang mungkin sebaliknya dikehendaki menurut perenggan 140 diperlukan oleh MPSAS lain. Sebagai contoh, MPSAS 19 menghendaki pendedahan, dalam keadaan tertentu, andaian utama berkenaan dengan peristiwa masa hadapan yang melibatkan kelas bagi peruntukan. MPSAS 30 menghendaki pendedahan andaian yang signifikan yang digunakan untuk menganggarkan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada nilai saksama. MPSAS 17 menghendaki pendedahan andaian signifikan yang digunakan untuk menganggarkan nilai saksama item hartanah, loji dan peralatan yang dinilai semula.

Modal

- 148A. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan menilai objektif, dasar, dan proses pengurusan modal entiti tersebut.**
- 148B. Untuk mematuhi perenggan 148A, entiti perlu mendedahkan perkara berikut:
 - (a) Maklumat kualitatif tentang objektif, dasar dan proses pengurusan modalnya, termasuk (tetapi tidak terhad kepada):
 - (i) Penerangan tentang sesuatu yang diuruskannya sebagai modal;
 - (ii) Apabila entiti secara luarannya tertakluk kepada keperluan modal yang dikenakan, jenis keperluan tersebut dan bagaimana keperluan itu digabungkan ke dalam pengurusan modal; dan
 - (iii) Bagaimana entiti memenuhi objektifnya untuk menguruskan modal.
 - (b) Ringkasan data kuantitatif tentang sesuatu yang diuruskannya sebagai modal. Sesetengah entiti menganggap sebahagian liabiliti kewangan (contohnya, beberapa bentuk hutang subordinat) sebagai sebahagian daripada modal. Entiti lain pula menganggap modal tidak termasuk dalam sesetengah komponen ekuiti (contohnya, komponen yang timbul

daripada lindung nilai aliran tunai).

- (c) Apa-apa perubahan dalam (a) dan (b) dari tempoh sebelumnya.
- (d) Sama ada, sepanjang tempoh itu, entiti mematuhi apa-apa keperluan modal luaran yang dikenakan ke atasnya.
- (e) Apabila entiti tidak mematuhi keperluan modal luaran yang dikenakan, akibat daripada ketidakpatuhan tersebut.

Pendedahan ini hendaklah berdasarkan maklumat dalaman yang disediakan kepada kakitangan utama pengurusan entiti.

148C. Entiti boleh menguruskan modal dalam beberapa cara dan tertakluk kepada beberapa keperluan modal yang berbeza. Sebagai contoh, sesebuah konglomerat mungkin termasuk entiti yang menjalankan aktiviti insurans dan perbankan, dan entiti tersebut mungkin juga beroperasi dalam beberapa bidang kuasa. Pendedahan agregat keperluan modal dan bagaimana modal diuruskan akan memberikan maklumat yang berguna atau mencetuskan pemahaman yang salah terhadap sumber modal entiti oleh pengguna penyata kewangan, maka entiti hendaklah mendedahkan maklumat setiap keperluan modal tersebut secara berasingan.

Instrumen Kewangan Boleh Letak Dikelaskan sebagai Aset Bersih/Ekuiti

148D. **Bagi instrumen kewangan boleh letak yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti, entiti hendaklah mendedahkan (sekiranya tidak didedahkan di tempat lain):**

- (a) **Ringkasan data kuantitatif tentang amaun yang diklasifikasikan sebagai aset bersih/ekuiti;**
- (b) **Objektif, dasar dan proses untuk menguruskan obligasinya bagi membeli balik atau menebus instrumen apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pemegang instrumen, termasuk apa-apa perubahan daripada tempoh sebelumnya;**
- (c) **Aliran keluar tunai yang dijangka ke atas penebusan atau pembelian semula kelas instrumen kewangan tersebut; dan**
- (d) **Maklumat tentang bagaimana menentukan jangkaan aliran keluar tunai ke atas penebusan atau pembelian semula.**

Pendedahan Lain

149. **Entiti hendaklah mendedahkan dalam nota:**

- (a) **Amaun dividen, atau pengagihan yang serupa, yang dicadangkan atau diisytiharkan sebelum penyata kewangan diluluskan untuk dikeluarkan, tetapi tidak diiktiraf sebagai pengagihan kepada pemilik dalam tempoh tersebut, dan amaun sesaham yang berkaitan; dan**

- (b) Amaun bagi apa-apa dividen keutamaan terkumpul, atau pengagihan yang serupa, yang tidak diiktiraf.
150. Entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut, sekiranya tidak didedahkan di tempat lain dalam maklumat yang diterbitkan di penyata kewangan:
- (a) Domisil dan bentuk sah entiti, dan bidang kuasa di mana entiti beroperasi;
 - (b) Keterangan tentang jenis operasi dan aktiviti utama entiti;
 - (c) Rujukan kepada undang-undang relevan yang mengawal operasi entiti;
 - (d) Nama entiti yang mengawal dan entiti induk yang mengawal entiti ekonomi (jika berkenaan); dan
 - (e) Maklumat tentang jangka hayat entiti sekiranya entiti mempunyai jangka hayat terhad.

Peruntukan Peralihan

151. Semua peruntukan dalam Piawaian ini berkuat kuasa dari tarikh Piawaian ini pertama kali diterima pakai, kecuali berkaitan dengan item yang belum diiktiraf akibat daripada peruntukan peralihan di bawah MPSAS lain. Peruntukan pendedahan bagi Piawaian ini tidak perlu diguna pakai ke atas item tersebut sehingga peruntukan peralihan dalam MPSAS lain tamat tempoh. Maklumat perbandingan tidak diperlukan bagi penyata kewangan yang menerima pakai asas perakaunan akruan buat pertama kalinya berdasarkan MPSAS.
152. Walaupun terdapat peruntukan peralihan di bawah MPSAS yang lain, entiti digalakkan mematuhi sepenuhnya peruntukan dalam Piawaian lain seberapa segera yang mungkin semasa dalam proses menerima pakai asas perakaunan akruan untuk tujuan pelaporan kewangan.

Tarikh Kuat kuasa

153. Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini ke atas penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Sekiranya entiti Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.
- 153A. *(Dimansuhkan)*
- 153B. *(Dimansuhkan)*
- 153C. *(Dimansuhkan)*
- 153D. *(Dimansuhkan)*

154. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

Lampiran A

Ciri Kualitatif Pelaporan Kewangan

Lampiran ini adalah bahagian penting dalam MPSAS 1.

Perenggan 29 Piawaian ini menghendaki entiti membentangkan maklumat, termasuk dasar perakaunan, mengikut cara yang memenuhi beberapa ciri kualitatif. Panduan ini meringkaskan ciri kualitatif pelaporan kewangan.

Ciri kualitatif ialah ciri yang menjadikan maklumat yang disediakan dalam penyata kewangan berguna kepada pengguna. Empat ciri kualitatif yang utama ialah kebolehfahaman, kerelevanan, kebolehpercayaan dan kebolehbandingan.

Kebolehfahaman

Maklumat boleh difahami apabila pengguna dijangka dapat memahami maksudnya secara munasabah. Untuk tujuan ini, pengguna dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang aktiviti entiti dan persekitaran di mana entiti beroperasi, dan bersedia mengkaji maklumat tersebut.

Maklumat tentang perkara yang rumit tidak harus dikecualikan daripada penyata kewangan semata-mata atas alasan bahawa ia mungkin terlalu sukar untuk difahami oleh pengguna tertentu.

Kerelevanan

Maklumat adalah relevan kepada pengguna sekiranya boleh digunakan untuk membantu menilai peristiwa masa lalu, kini atau hadapan atau untuk mengesahkan atau membetulkan penilaian masa lalu. Untuk menjadi relevan, maklumat juga mestilah tepat pada masanya.

Kematanan

Kerelevanan maklumat bergantung kepada jenis dan kematannya.

Maklumat adalah material sekiranya peninggalan atau salah nyata boleh mempengaruhi keputusan pengguna atau penilaian yang dibuat berdasarkan penyata kewangan tersebut. Kematanan bergantung pada jenis atau saiz item atau kesilapan, yang dinilai dalam keadaan tertentu terhadap peninggalan atau salah nyata tersebut. Oleh itu, kematanan mempunyai batas atau titik penentu dan bukannya ciri utama kualitatif yang menjadikan sesuatu maklumat itu berguna.

Kebolehpercayaan

Maklumat yang boleh dipercayai bebas daripada kesilapan material dan berat sebelah, dan pengguna boleh bergantung padanya untuk menggambarkan secara benar apa yang ingin dinyatakan atau apa yang dijangka akan digambarkan secara munasabah.

Gambaran Secara Benar

Sekiranya sesuatu maklumat dibentangkan untuk menggambarkan secara benar urusan niaga dan peristiwa lain, maklumat tersebut hendaklah dibentangkan mengikut intipati urusan niaga dan peristiwa lain tersebut, bukan sekadar bentuknya yang sah di sisi undang-undang.

Mementingkan Intipati Berbanding Rupa Bentuk

Sekiranya sesuatu maklumat dibentangkan untuk menggambarkan secara benar urusan niaga dan peristiwa lain mengikut tujuan maklumat tersebut dibentangkan, maka urusan niaga dan peristiwa lain itu perlu dijelaskan dan dibentangkan mengikut intipati dan realiti ekonominya, bukan sekadar rupa bentuk yang sah di sisi undang-undang. Intipati urusan niaga atau peristiwa lain tidak sentiasa tekal dengan bentuknya yang sah di sisi undang-undang.

Kekecualian

Maklumat bersifat berkecuali sekiranya bebas daripada berat sebelah. Penyata kewangan tidak bersifat berkecuali sekiranya maklumat yang terkandung di dalamnya dipilih atau dibentangkan dalam cara yang khusus untuk mempengaruhi keputusan atau pertimbangan bagi mencapai hasil atau keputusan yang telah ditetapkan.

Berhemah

Sikap berhemah merupakan gabungan tahap berhati-hati untuk mengambil keputusan yang diperlukan bagi membuat anggaran yang dikehendaki dalam keadaan ketidakpastian, agar aset atau hasil tidak terlebih nyata manakala liabiliti atau belanja tidak terkurang nyata.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan secara berhemah tidak membenarkan, sebagai contoh, (a) wujudnya rizab tersembunyi atau peruntukan yang berlebihan, (b) aset atau hasil terkurang nyata secara sengaja atau (c) liabiliti atau belanja terlebih nyata secara sengaja, kerana penyata kewangan ini tidak akan bersifat berkecuali, oleh itu, penyata kewangan tidak mempunyai kualiti kebolehpercayaan.

Lengkap

Maklumat dalam penyata kewangan seharusnya lengkap dalam batasan kematangan dan kos.

Kebolehbandingan

Maklumat dalam penyata kewangan boleh dibandingkan apabila pengguna dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara maklumat tersebut dengan maklumat dalam laporan lain.

Kebolehbandingan terpakai kepada:

- (a) Perbandingan penyata kewangan bagi entiti yang berbeza; dan
- (b) Perbandingan penyata kewangan bagi entiti yang sama dalam tempoh tertentu.

Implikasi penting bagi ciri kebolehbandingan adalah pengguna perlu dimaklumkan tentang dasar yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan, perubahan kepada dasar tersebut dan kesan daripada perubahan itu.

Oleh sebab pengguna ingin membandingkan prestasi entiti sepanjang tempoh itu, adalah penting penyata kewangan menunjukkan maklumat yang setara bagi tempoh sebelumnya.

Kekangan terhadap Maklumat yang Relevan dan Boleh Dipercayai

Ketepatan masa

Sekiranya berlaku kelewatan yang tidak wajar semasa melaporkan maklumat, maka maklumat itu mungkin tidak lagi relevan. Untuk menyediakan maklumat yang tepat pada masanya, lazimnya pelaporan yang dibuat sebelum semua aspek urus niaga diketahui, dengan itu akan menjejaskan kebolehpercayaan. Sebaliknya, jika pelaporan ditangguhkan sehingga semua aspek diketahui, maka maklumat mungkin amat dipercayai tetapi kurang berguna kepada pengguna yang perlu membuat keputusan interim. Untuk mencapai keseimbangan antara relevan dengan kebolehpercayaan, pertimbangan utama adalah bagaimana cara terbaik bagi memenuhi keperluan pengguna untuk membuat keputusan.

Keseimbangan antara Manfaat dengan Kos

Keseimbangan antara manfaat dengan kos ialah kekangan pervasif. Manfaat yang diperoleh daripada maklumat seharusnya melebihi kos untuk menyediakannya. Walau bagaimanapun, penilaian terhadap manfaat dan kos sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan pertimbangan. Tambahan pula, kos tidak selalunya dikenakan kepada pengguna yang menikmati manfaatnya. Manfaat juga boleh dinikmati oleh pengguna selain daripada, kepada siapa maklumat itu disediakan. Atas alasan ini, sukar untuk menggunakan ujian manfaat-kos dalam kes tertentu. Walau bagaimanapun, penggubal piawaian, serta mereka yang bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan dan pengguna penyata kewangan, seharusnya mengetahui tentang kekangan ini.

Keseimbangan Antara Ciri Kualitatif

Secara praktiknya, pengimbangan, atau tukar ganti, antara ciri kualitatif selalunya perlu dilakukan. Secara umumnya, tujuannya adalah untuk mencapai keseimbangan yang sesuai antara ciri untuk memenuhi objektif penyata kewangan. Kepentingan relatif bagi ciri tersebut dalam kes yang berbeza adalah berkenaan dengan pertimbangan profesional.

Panduan Pelaksanaan

Panduan ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada, MPSAS 1.

Ilustrasi Struktur Penyata Kewangan

- PP1. Piawaian ini menetapkan komponen penyata kewangan dan keperluan minimum bagi pendedahan pada muka penyata kedudukan kewangan dan penyata prestasi kewangan, serta pembentangan perubahan aset bersih/ekuiti. Ia juga menerangkan dengan lebih lanjut tentang item yang boleh dibentangkan sama ada pada muka penyata kewangan yang berkaitan atau dalam nota. Panduan ini memberikan contoh mudah bagaimana keperluan Piawaian untuk pembentangan penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan dan penyata perubahan aset bersih/ekuiti boleh dipenuhi. Turutan pembentangan dan keterangan item barisan seharusnya ditukar apabila perlu untuk mencapai pembentangan saksama dalam keadaan tertentu bagi setiap entiti. Sebagai contoh, item barisan entiti sektor awam seperti jabatan pertahanan sangat berbeza berbanding item barisan bank pusat.
- PP2. Ilustrasi penyata kedudukan kewangan menunjukkan bagaimana penyata kedudukan kewangan membezakan antara item semasa dan bukan semasa. Format lain mungkin juga bersesuaian, dengan syarat perbezaannya ditunjukkan dengan jelas.
- PP3. Penyata kewangan disediakan untuk kerajaan persekutuan dan penyata prestasi kewangan (mengikut fungsi) menggambarkan klasifikasi fungsi kerajaan yang digunakan dalam Perangkaan Kewangan Kerajaan. Klasifikasi mengikut fungsi ini tidak semestinya terpakai kepada semua entiti sektor awam. Piawaian ini dirujuk untuk contoh klasifikasi mengikut fungsi yang lebih generik bagi entiti sektor awam yang lain.
- PP4. Contoh yang diberi tidak merangkumi semua aspek dalam MPSAS. Ia juga tidak merangkumi satu set penyata kewangan yang lengkap, termasuklah penyata aliran tunai, ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

Entiti Sektor Awam - Pernyataan Dasar Perakaunan (Ekstrak)

Entiti yang Melapor

Penyata Kewangan ini adalah untuk entiti sektor awam (kerajaan persekutuan bagi Negara A). Penyata Kewangan merangkumi entiti yang melapor seperti yang dinyatakan dalam perundangan yang berkaitan (Akta Tatacara Kewangan 1957), ini terdiri daripada:

- Kementerian dan jabatan kerajaan pusat; dan
- Perusahaan Perniagaan Kerajaan.

Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk asas perakaunan akruan. Asas pengukuran yang digunakan adalah kos sejarah yang diselaraskan untuk penilaian semula aset.

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata kewangan disediakan atas dasar usaha berterusan, dan dasar perakaunan telah digunakan secara tekal sepanjang tempoh itu.

ENTITI SEKTOR AWAM

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2

	20X2 RM'000	20X1 RM'000
ASET		
Aset Semasa		
Tunai dan Kesetaraan tunai	x	x
Cukai dan Pindahan Boleh Pulih	x	x
Akaun Belum Terima	x	x
Inventori	x	x
Bayaran Terdahulu	x	x
Aset Semasa Lain	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Aset Semasa	<u>x</u>	<u>x</u>
Aset Bukan Semasa		
Cukai dan Pindahan Boleh Pulih	x	x
Akaun Belum Terima	x	x
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal	x	x
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal Bersama	x	x
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	x	x
Aset Kewangan Lain	x	x
Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x
Hartanah Pelaburan	x	x
Aset Tak Ketara	x	x
Aset Bukan Semasa Lain	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Aset Bukan Semasa	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Aset	<u>x</u>	<u>x</u>
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar bagi Urus Niaga Pertukaran	x	x
Cukai dan Pindahan Belum Bayar	x	x
Peruntukan	x	x
Pinjaman	x	x
Pelan Pencen dan Ganjaran	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Liabiliti Semasa	<u>x</u>	<u>x</u>
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman	x	x
Pelan Pencen dan Ganjaran	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah liabiliti	<u>x</u>	<u>x</u>
Aset Bersih	<u>x</u>	<u>x</u>
ASET BERSIH/EKUITI		
Modal yang Dicarum oleh Entiti Kerajaan Lain	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul	x	x
Rizab	x	x
Kepentingan Minoriti	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti	<u>x</u>	<u>x</u>

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

ENTITI SEKTOR AWAM
PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20X2
(Mengikut Fungsi)

	20X2 RM'000	20X1 RM'000
Hasil		
Hasil Cukai	x	x
Hasil Bukan Cukai	x	x
Pelbagai Pendapatan	x	x
Hasil Wilayah Persekutuan	x	x
Lain-lain Hasil	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Hasil	<u>x</u>	<u>x</u>
 Belanja		
Perkhidmatan Awam Am	x	x
Pertahanan	x	x
Ketenteraman dan Keselamatan Awam	x	x
Pendidikan	x	x
Kesihatan	x	x
Kebajikan Sosial	x	x
Kemudahan Perumahan dan Kemasyarakatan	x	x
Rekreasi, Budaya dan Agama	x	x
Hal Ehwal Ekonomi	x	x
Perlindungan Persekitaran	x	x
Belia dan Sukan	x	x
Lain-lain Belanja	x	x
Kos Kewangan	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Belanja	<u>x</u>	<u>x</u>
 Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	<u>x</u>	<u>x</u>
 Dipegang oleh:	x	x
Pemilik Entiti yang Mengawal	<u>x</u>	<u>x</u>
Kepentingan Minoriti	<u>x</u>	<u>x</u>

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

ENTITI SEKTOR AWAM

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20X2

(Mengikut Jenis)

	20X2 RM'000	20X1 RM'000
Hasil		
Hasil Cukai	x	x
Hasil Bukan Cukai	x	x
Pendapatan Pelbagai	x	x
Hasil Wilayah Persekutuan	x	x
Lain-lain Hasil	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Hasil	<u>x</u>	<u>x</u>
 Belanja		
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	x	x
Bekalan dan Barang Habis Guna yang Digunakan	x	x
Belanja Sewaan	x	x
Belanja Susut Nilai dan Pelupusan	x	x
Pembaikan dan Penyelenggaraan Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x
Penjejasan Aset	x	x
Geran dan Pindahan Bayaran Lain	x	x
Lain-lain Belanja	x	x
Kos Kewangan	<u>x</u>	<u>x</u>
Jumlah Belanja	<u>x</u>	<u>x</u>
 Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	<u>x</u>	<u>x</u>
 Dipegang oleh:		
Pemilik Entiti yang Mengawal	<u>x</u>	<u>x</u>
Kepentingan Minoriti	<u>x</u>	<u>x</u>

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20X2

	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal				Kepentingan Minoriti	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti
	Caruman Modal	Lebihan / (Kurangan) Berkumpul atau Dana Disatukan	Akaun Amanah	Rizab Penilaian Semula		
Baki pada 1 Januari 20X1		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	X	X	X	X	X	X
- Perubahan dalam dasar perakaunan		X			X	X
- Seperti dinyatakan semula	X	X	X	X	X	X
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 20X1						
Untung/(Rugi) Penilaian Semula Hartanah, Loji dan Peralatan			X		X	X
Untung/(Rugi) Pengukuran Semula Aset Kewangan Sedia-Untuk-Dijual				(X)	(X)	(X)
Terimaan			X		X	X
Bayaran			(X)		(X)	(X)
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		X			X	X
Jumlah Hasil dan Belanja Diiktiraf bagi Tempoh		(X)	(X)	X	(X)	(X)
Baki seperti pada 31 Disember 20X1	X	X	X	X	X	X
Perubahan Aset Bersih /Ekuiti bagi 20X2						
Untung/(Rugi) Penilaian Semula Hartanah, Loji dan Peralatan			X		X	X
Untung/(Rugi) Pengukuran Semula Aset Kewangan Sedia-Untuk-Dijual				(X)	(X)	(X)
Terimaan			X		X	X
Bayaran			(X)		(X)	(X)
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		X			X	X
Jumlah Hasil dan Belanja Diiktiraf bagi Tempoh		X	(X)	X	(X)	X
Baki seperti pada 31 Disember 20X2	X	X	X	X	X	X

Perbandingan dengan IPSAS 1

MPSAS 1 *Pembentangan Penyata Kewangan* berasaskan daripada IPSAS 1 (2011). Perbezaan utama antara MPSAS 1 dengan IPSAS 1 adalah seperti berikut:

- Pada perenggan 6, MPSAS 1 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) manakala IPSAS 1 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.
- Pada perenggan 7 dan 118, MPSAS 1 mentakrifkan semula istilah Aset Bersih/Ekuiti. Aset Bersih/Ekuiti juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan supaya selaras dengan kehendak undang-undang tempatan (Akta Tatacara Kewangan 1957).
- Pada perenggan 69, MPSAS 1 melanjutkan tempoh masa yang dibenarkan bagi entiti mengeluarkan penyata kewangannya daripada "tempoh enam bulan" kepada "tempoh sepuluh bulan" dari tarikh pelaporan.
- Pada perenggan 118, MPSAS 1 menambah satu lagi item "Ringkasan Akaun Amanah Kerajaan" dalam Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti bagi memenuhi keperluan perakaunan akaun amanah dan dana amanah yang dikawal sepenuhnya oleh entiti perakaunan.